kaum majikan bergerak mengambil langkah² mengikut Undang² dan Perlembagaan kita ia-itu satu Undang² dan Perlembagaan yang memberi kebebasan kepada kumpulan ini, tetapi Tuan Pengerusi, saya nampak dalam beberapa tahun baharu² ini soal perhubungan buroh dengan majikan makin lama sa-makin tenat, oleh sebab kalau kita kaji akan langkah² yang telah diambil oleh kedua² belah pihak ini boleh di-katakan bahawa kedua² pihak nampak-nya mengambil kesempatan atas maksud, tujuan Kerajaan kita ini untuk menegohkan ekonomi kita.

Dari segi majikan, saya tengok pihak majikan mengambil kesempatan menggunakan tujuan kita menggunakan maksud kita hendak mendapatkan modal untuk negara kita ini sa-bagai senjata untuk menindas kaum buroh. Apakala kaum buroh membuat permintaan², atau pun permohonan² untuk kebajikan mereka, apabila kaum buroh hendak mengambil apa² tindakan—tindakan perindasterian, atau pun apa yang di-sebut di-dalam bahasa Inggeris industrial action, maka kaum majikan pula lari datang kepada Kerajaan dengan mengugut dan juga kepada kaum pekerja mengugut mengatakan kalau-lah ini gaya-nya pihak buroh bergerak, maka kami terpaksa akan keluar daripada negeri ini dan menarek pula modal pergi ka-negeri lain.

Dari segi kaum buroh pula ada nampak-nya ketua² buroh yang menggunakan kesempatan, kebebasan ini, untuk mengekalkan kedudukan mereka. Ada juga Persatuan² Buroh yang terpaksa bergerak mengambil industrial action, oleh sebab kalau ia lama tidak bergerak, kalau senyap sahaja, kedudukan mereka di-dalam persatuan mereka itu pula terancam. Jadi, saya berharap-lah kedua² pihak majikan dan buroh akan sedar bahawa kebebasan yang telah kita beri kepada mereka kedua² pihak, majikan dan buroh ini, ia-lah untuk kepentingan kita bersama dan jangan-lah di-salahgunakan oleh kedua belah pihak ini, terutama sa-kali dari segi majikan, oleh sebab beberapa tahun ini kita sangat sebok menegaskan bagaimana kita hendakkan modal dan juga dari segi kaum buroh di-dalam mana di-

dalam persatuan² mereka, ketua²-nya chuba hendak mengekalkan kedudukan mereka, tetapi, Tuan Pengerusi, saya berani-lah mengatakan di-sini seperti mana di-sebutkan oleh Setia-usaha Parlimen pada masa ia mengemukakan anggaran perbelanjaan-nya bahawa pada keseluruhan-nya Kesatuan² Buroh di-dalam negara kita ini telah dapat bergerak dengan begitu bertanggungjawab. Ada juga yang di-sebutkan oleh mereka bahawa Kerajaan chuba hendak memecah²kan mereka, Kerajaan chuba menggalakkan supaya lebih banyak lagi union², atau pun kesatuan² yang kecil², jadi dengan jalan itu konon-nya Kerajaan dapat-lah menjaga, atau mengawasi gerak-geri mereka, tetapi saya fikir pendapat ini ia-lah satu pendapat yang salah, oleh sebab sama ada sa-suatu Kesatuan Buroh itu kuat, tegoh, atau tidak, sama ada Kesatuan² Buroh itu akan dapat pandangan tinggi daripada ra'ayat dan kaum buroh, atau tidak, terpulang kepada kebolehan, atau pun ketegohan tiap² sa-orang penganjur atau pun ketua di-dalam Kesatuan Buroh itu sendiri.

Kita bernasib baik-lah bahawa Kerajaan kita ini tidak-lah bising, riuh rendah, mengatakan kita ini satu Kerajaan yang pro-buroh, tetapi pada hakikat-nya nanti kita pusing balek sungguh kita katakan kita pro-buroh, kadang² ada negara yang menggunakan nama dia kata dia pro-buroh, dia socialist, tetapi apabila dapat kuasa, menindas pula kaum buroh dan mengatakan kepada kaum buroh, kalau kamu tidak mengikut chara yang di-jalankan oleh Kerajaan ini, maka ekonomi kita akan terancam, tetapi kita berterusterang mengatakan di-dalam negara kita ini kebebasan terpulang-lah kepada tiap² sa-orang penganjur, atau pun ketua² kedua² pihak industry dan buroh untuk bergerak dengan bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil kesempatan di-sini di-dalam hal soal buroh ini menguchapkan tahniah kepada Kementerian Buroh yang saya dapat tahu akan membentangkan satu undang² yang di-namakan Social Security Act untuk kepentingan kaum buroh di-dalam negeri kita ini. Social Security Act ini, saya fikir, harus-lah

di-alu²kan oleh kaum pekerja terutama sa-kali oleh sebab tujuan, hasrat, maksud Kerajaan hendak meluluskan Social Security Act ini ia-lah sa-mata² untuk menjaga kepentingan buroh supaya kaum buroh tidak akan di-salah-gunakan oleh pehak majikan. Walau macham mana pun, saya suka-lah menyebutkan di-sini bahawa saya berdukachita sedikit oleh sebab kita sangat² sedar di-dalam pergerakan ekonomi di-dalam negara kita ini sa-betul-nya kalau kita kaji tiap² pakar ekonomi sedar bahawa latar belakang ekonomi kita ini bukan-lah sa-betul-nya di-dalam bandar, malahan di-luar bandar. Tiap² tindakan yang di-ambil oleh Kerajaan, tiap² undang² yang di-buat oleh Kerajaan, terutama sa-kali dari segi buroh, dari segi soal perindasterian ia-lah sa-betul-nya berat sa-belah kapada di-dalam bandar. Ini saya sangat faham oleh sebab agak-nya di-dalam bandar tidak berapa susah hendak kita bergerak, hendak kita menyatu-padukan, atau pun mengambil apa² tindakan, tetapi saya suka-lah merayu kapada Kementerian Buroh ini supaya jangan-lah lupakan pekerja² yang tidak, yang maseh belum berorganise lagi, yang di-sebutkan oleh Ahli dari Bachok tadi, persatuan² yang telah di-organise di-dalam bandar terutama sa-kali yang sudah ada, tetapi beribu² pekerja di-luar bandar terutama sa-kali pekerja² yang berkaitan dengan perusahaan² chuchok tanam, ia-itu kaum² tani yang bekerja di-luar bandar yang sa-lama ini terbiar.

Mithal-nya, Tuan Pengerusi, kita tahu di-dalam estate², atau pun—ma'af—di-luar bandar terutama sa-kali di-kampong², kita tahu banyak orang yang ada tanah kata-lah 10 ekar, atau pun 20 ekar yang di-punya² oleh sa-orang yang tidak dudok di-kampong itu dan orang² kampong bekerja di-dalam tanah² yang kecil itu, tetapi kalau sa-suatu hal terjadi kapada mereka apabila mereka menjalankan tugas mereka itu, tidak ada sa-orang pun yang boleh bertanggung-jawab dan pekerja² ini harus nampak-nya sa-lama² ini bergantung kapada belas ihsan ma'ikan masing².

Jadi, saya berharap pada masa² yang akan datang sa-lepas kita dapat men-

jalankan tugas kita kapada pekerja² di-dalam bandar dengan meluluskan Social Security Act ini, Kerajaan akan dapat pula menimbangkan, oleh sebab sangat mustahak saya katakan tadi, menimbangkan akan satu undang² pula supaya pekerja² di-luar bandar ini yang maseh belum dapat—oleh sebab jauh agak-nya tidak begitu ramai dari satu tempat ka-satu tempat—tidak dapat ber-organise, bersatu-padu, dari segi sa-suatu persatuan, tetapi terbiar sa-lama ini. Saya harap-lah Kementerian akan dapat memikirkan, atau pun menggubal satu undang² supaya dapat kita memberi Social Security kapada mereka pula.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu-lah sahaja saya harap permintaan ini akan dapat di-pertimbangkan oleh Kementerian Buroh. Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khooon (Batu) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, in an hour long speech made by the Honourable Parliamentary Secretary to the Minister of Labour, although I was not present but I did hear parts of the speech, I think I am correct in saying that he did not touch at length on a problem that is of extreme importance to the workers of this country, in fact to the economy of this country—that is, unemployment and increasing unemployment at that—as the Honourable Member for Bukit Bintang has touched on.

Mr Chairman, Sir, I have already commented in this House about the percentages given by the Government Benches on unemployment—they talk about 6.8 per cent of the labour force being unemployed as of last year. I have worked out the figures, and I have quoted in this House how the 6.8 per cent will soon, this year, be more than 7 per cent. If it is more than 7 per cent of the labour force, which is expected to be 3.5 millions this year, then you have a figure of a quarter million unemployed. If, in addition to that, Mr Chairman, Sir, as I have pointed out, you have the school-leavers at Standard VI level and school-leavers at Form III and school-leavers at M.C.E. or Senior Cambridge levels and at H.S.C. and graduate levels, all entering the labour market and most of them not being

able to get jobs, surely it is of primary importance, Mr Chairman, Sir, that on an occasion like this, the Ministry of Labour should set out a blueprint for us as to how it is going to tackle the problem of increasing unemployment not only for 1969 but also for the seventies, so that the others who are connected with this problem will find ways and means of tackling this very important and crucial problem.

Mr Chairman, Sir, not only is unemployment increasing as has been mentioned by the Member for Bukit Bintang, the commercial workers, because of new alignment, of re-organisation, lots of them have been just thrown into the streets and have been told, "Well, you know, we have an agreement. All right, how much severance pay that you have? All right, you take what you have. We are closing down", or "We are re-organising and therefore we don't need so many staff."

I have time and again in this House, Mr Chairman, Sir, asked the Minister of Labour what arrangements, what steps, has the Ministry taken to provide for this redundancy, because this redundancy, Mr Chairman, Sir, arises from many sources. The Member for Bukit Bintang has quite rightly pointed out this problem of commercial workers. There is the question of redundancy from the withdrawal of the British forces. Thousands of them are being thrown out of employment. Then, there is this question of redundancy from the fragmentation of estates, which is due primarily to the tycoons in the M.C.A., in the M.I.C., and now in the UMNO. They are the guys who buy up the estates, break up the estates, and tell the workers, "You buzz off! We are going to sell this off. We don't care whether you have spent your life time working here. You buzz off! You go and find your own way." Now, I have in this House, Mr Chairman, Sir, time and again—I reiterate—asked the Ministry of Labour what preparations have they made to cope with this redundancy, not to talk about the people who are already unemployed, the people who are pouring by the thousands into the labour

market looking for jobs. I have already highlighted in this House, Mr Chairman, Sir, how, whereas workers in the past, the first-timers or even the second-timers, had been unemployed for a period of, let us say, six months, now the period has been lengthened to three times that or even four or five times, in that for two or three years they cannot get employment. I have also pointed out in this House how chaps have come to my Dispensary and said, "Doctor, I have been unemployed for ten years; I have been living on charity. How long more can I live on charity with my children in school?" Now these are the things, Mr Chairman, Sir, that one would have thought that the Parliamentary Secretary, in introducing his Estimates, should have spent at least a third of his speech on this very important problem of unemployment. But, no, Mr Chairman, Sir, he hardly made any reference to it, and I do hope that the workers who are now looking all over the place for jobs will bear in mind that this is how the callous Alliance Government treats the unemployed in this country.

Now, Mr Chairman, Sir, the Parliamentary Secretary also takes pride in the fact that, "We in the Alliance Government are very conscious about the welfare and well-being of the workers in this country," and he goes on to quote about the 260 unions in this country. Now, I say, Mr Chairman, Sir, that this record of the 260 unions in this country, far from being a matter of pride, should be a matter of great concern to the Ministry because, by the legislation that now prevails, I say that—and this is not just my opinion, this is an opinion echoed by many active trade unionists—the Government is deliberately trying to fragmentate the trade union movement, trying to keep the trade union movement divided, so that it possibly can manipulate, pull strings here and there, and set off one union leader against the other. Now, Mr Chairman, Sir, I shall quote but a few instances of how the Government, far from wanting to strengthen the trade union movement, deliberately encourages "peanut" unions.

The Penang Hill Railway workers—a small group, and I think there are only about eight plus of them—have been corresponding with the Ministry of Labour for years on end, telling the Ministry that they wanted to organise themselves. Now what action, I ask the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour, has the Minister of Labour taken to assist the workers of the Penang Hill Railway to organise themselves? They have quite rightly said, “Since we are concerned with transport, we would like to join the Transport Workers Union, or if this is not acceptable to the Ministry, let us organise ourselves and then affiliate ourselves with any other larger block of trade unions concerned with the transport industry.” I ask again, “What action has the Ministry of Labour taken to help the railway workers to organise themselves, the railway workers in the Penang Hill Railway?”

The other thing is about the Penang City Council Transport workers. The bus drivers in the Penang City Council, although they are employed by the Penang City Council, are no different from the drivers employed by the Sri Jaya in Kuala Lumpur. Why have they not been allowed to join the Transport Workers' Union? After all, they are indeed transport workers. But, no, the almighty Registrar of Trade Unions, or the officials of the Ministry of Labour, have decreed that they cannot join the Transport Workers' Union and, therefore, they have to organise themselves into another “peanut” union. This is what I mean, Mr Chairman, Sir, when I say that the Ministry of Labour, the Alliance Government in particular, is really not interested in having a strong, viable trade union. It is interested in fragmenting the unions, and peanut unions, so that they can manipulate all these unions and set one against the other.

Now, the Parliamentary Secretary also paid lip service, and it is refreshing to hear the Alliance Government, either the Ministers or the Parliamentary Secretaries, pay lip service to the trade union movement, saying how responsible they are, how in time of crisis like the Sabah crisis, they have

voiced solid support for the Alliance Government. Of course, these are words that may sound sweet in this House and, perhaps to quite a number of workers I see sitting in the public gallery, but they do not fool the workers of this country. Time has long passed since when the workers can gobble down the platitudes mouthed out either by the Parliamentary Secretaries or by the Ministers. What the leaders of the trade union movement want in this country is not just words, words—honeyed words at that—but they want action.

Now, the Parliamentary Secretary has also touched on the Industrial Relations Act and how it is meant to strengthen the trade union movement. I say without fear of contradiction that in the opinion of the trade union movement in this country that far from strengthening the trade union movement, it is a set-back of the first magnitude.

From personal knowledge, I know that amongst one of the objectives of this Industrial Relations Act is to prevent the victimisation of workers when they want to form trade unions or to set up branches of trade unions. Now, the procedure is clearly laid down and, when we debated this Bill in this House, I warned the Minister how, despite all that is spelt out in this Bill, the workers could still be victimised; and, sure enough, since the passage of the Industrial Relations Act, these workers have been victimised by the management as soon as they have indicated that they want to organise themselves into a union. The Parliamentary Secretary knows that this has happened time and again since the coming into force of this Act—one only needs to look at the workers in the Federal Hotel, where the workers there of all categories stated that they wanted to form a section or branch of the Hotel and Restaurant Workers Union, I think, in this country.

Mr Chairman, Sir, the *modus operandi* is a very simple one. The workers say, “Now, we the would-be leaders want to talk with the Management about forming a union. The Management straightaway marks out A,B,C,D,E, these are the potential trouble-makers.” Then comes a letter

from the Management saying, "We don't think your work is quite that satisfactory, please pull up your socks, otherwise you know business may be bad because of your unsatisfactory conduct, and we may have to take drastic action to dismiss you." And then promptly, if the workers still persist in going on with their efforts to organise a union, then, of course, they are dismissed as simple as that. Now, prior to the passage of the Industrial Relations Act, I have been involved in many such situations where workers have been dismissed as soon as they have indicated their desire to form a trade union. With the passage of the Industrial Relations Act, I was not that sanguine enough to think that the Act itself would put an end to such victimisation, but I say that when such acts of victimisation occur, the Ministry of Labour and, in particular, the Industrial Relations Officer should say so, in no uncertain terms to Management, that it is the pre-rogative, it is the unalienable right of all the workers of this country, to organise themselves, and Management must be told in no uncertain terms that they cannot transgress on that unalienable right of the workers to organise themselves. Instead of which, from what I gather, the Industrial Relations Officer says, "Come, let us find a *modus vivendi* to live with the Management." I say that, if the Ministry of Labour really wants to help the workers of this country to organise themselves—and it must be admitted that a large number, I think as many as, perhaps, 70% of the working force in this country, is not organised at all and the Member for Segamat Utara, for example, has stated that in the rural areas, the workers there, the farmers, are not organised at all—and therefore if the Alliance Government is really interested in having the welfare of the workers of this country at heart, they must put their foot down and where the efforts of the workers to organise themselves are concerned, they should do all they can to help workers to organise themselves and see that they are not victimised by management.

Regarding the Industrial Relations Act itself, Mr Chairman, Sir

Tuan Pengerusi: How long more will you take?

Dr Tan Chee Khoon: Perhaps another 10 minutes, Sir.

Tuan Pengerusi: That is too long, because the time is getting very short now. Will you please cut short your speech and no repetition?

Dr Tan Chee Khoon: Regarding the Industrial Relations Act itself, Mr Chairman, Sir, there is no doubt that the working class movement as a whole is dead against the Act itself, and I hope that the Ministry of Labour and the Minister himself will bring in the appropriate amendments to meet the objections of the workers of this country.

Now, Mr Chairman, Sir, to conclude, I have with me a document relating to the N.E.B. Employees Union. Now, the *Malay Mail* yesterday highlighted the fact that we may have to spend Chinese New Year in total darkness if the N.E.B. Employees Union members go on strike, and then the whole country will be plunged into darkness despite the invocation of the Industrial Relations Act.

To put it in a nut-shell Mr Chairman, Sir, the case of the N.E.B. Employees Union is a very simple one. On the 31st August, 1965, the agreement between the N.E.B. Employees Union and the N.E.B. ceased. Now, in all such agreements, a new agreement should be drawn up, but the Management in this instance kept on delaying, delaying, and then came the Suffian Salaries Commission. They said, "You wait, you wait," and then after that, when the Suffian Salaries Commission presented its report to the Government, they said also "You wait, you wait, we will see what has happened with the Suffian Salaries Commission recommendations, and then we will talk with you." Now, it is more than a year that the Suffian Salaries Commission has made known its report—at least to certain categories of trade unions in this country, there have been negotiations.

To put it in a nut-shell the Government, as has been enunciated by the Minister for Commerce and Industry, now tells the N.E.B. Employees Union, "We will offer you what has been offered to Division IV and the I.M.G. Workers in the Government Services."

Now, Mr Chairman, Sir, if you look at what is prevailing now in the salary structure of the N.E.B. Employees, the I.M.G. Group and Division IV and similar categories, one sees how ludicrous that offer is that has been enunciated by the Minister for Commerce and Industry. The N.E.B. employees and whatever category, when they start work, they start work on \$142.90, and I am told that after two or three months of satisfactory work, they then go up to \$152.10 after a few months of work, and that is the minimum salary that the N.E.B. employees get, and then as they progress along they can go up into various categories of classified workers, and they can go as high as Junior Technical Assistants where the salary is in the region of about \$400.

Now, what is the offer made by the N.E.B.? The N.E.B. now says, "We will relate your salary scales to that of the Suffian Salaries Report for I.M.G. and Division IV workers." The salary scale Mr Chairman, Sir, for a general labourer, is $\$130 \times 5.00$ to \$150 (maximum). Now, Sir, one can see how ludicrous that offer is. Far from benefiting in any way from this offer made by the N.E.B., it is a retrogressive step as far as the N.E.B. employees are concerned, because now already they are enjoying \$152.10, whereas under the Suffian Salaries wage structure for I.M.G. and Division IV workers that scale is $\$130 \times \5 to a maximum of \$152.00. How on earth can the workers of this country, if they have any self-respect at all, accept this offer of the N.E.B.? Now, Sir, I would hope that the Ministry of Labour, which has been intimately connected with these delicate negotiations, would have chipped in and tried to help the N.E.B. employees. But, from what I gather, by the efforts made by the Ministry of Labour, far from helping

the workers concerned, in fact, they have adopted a threatening attitude and said, "Look here, you better behave; you know, we will invoke the provisions of the Industrial Relations Act; you cannot go on strike; you better behave; in addition to the I.R.A., i.e., the Industrial Relations Act, there is also the I.S.A., So you behave."

Now, Mr Chairman, Sir, I say that this is a matter of extreme importance. I am told that there has been a meeting between the Ministry of Commerce and Industry and the N.E.B. over this matter, and that this case will be brought up again before the end of this week. I do hope that the Minister of Commerce and Industry or the Management of the N.E.B. would make a more sensible offer to the N.E.B. Employees Union. What has been offered up till now is totally unacceptable to the N.E.B. Employees Union, and I do hope that if the matter cannot be resolved by the two parties concerned, then the most sensible thing, if the Ministry of Labour is really interested in helping the workers of this country, is to refer the matter to arbitration, and for the Government to give an undertaking that it will abide by the award of the Industrial Court, because unless this is done the workers of this country are already so disillusioned with what the Government had done that they probably will not agree to go to arbitration, if there is no guarantee that any award handed down by the Industrial Court will be respected by both the National Electricity Board and the Ministry of Commerce and Industry and the Alliance Government itself.

In conclusion, Mr Chairman, Sir, I do hope that the Ministry of Labour will look into this problem as a matter of utmost importance. The workers of the National Electricity Board Employees' Union have been waiting long and patiently enough. They have threatened to go on strike time and again, and the leadership has always restrained the more enthusiastic and more restless members of the Union from going on strike. But, how long can the leadership exert their

influence, if there is no reasonable offer from the Management? I submit to the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour that, unless a reasonable offer is made, the leadership of this Union cannot maintain its stand and what will happen is this: there will be a *coup d'état*; the reasonable, moderate, leadership will be thrown out and a new set of leaders will turn up, who will be more extreme, who would not think in terms of negotiating with the Management, and they would say, "Let us strike, strike and strike, plunge the nation into darkness." Now, Mr Chairman, Sir, I submit that the workers of the National Electricity Board Union, as indeed all the workers in this country, are entitled to a rich and fuller life, and they look towards the Ministry of Labour to help them to attain this goal.

Tuan Mohd. Zahir bin Haji Ismail (Sungai Patani): Tuan Pengerusi, saya berchapak berkenaan Kepala B. 48, muka 487. Bagi pehak buroh² ladang getah di-kawasan saya, Sungai Patani, saya sangat²lah menguchapkan terima kaseh kapada Kerajaan kerana Kerajaan telah pun merangkakan Undang² Menchegeh Pemechahan² Ladang Besar getah dan ladang² itu akan di-benar jual hanya jika sa-kira-nya sa-telah pembeli² kebun itu telah boleh memberi keterangan kapada Lembaga yang di-lantek di-bawah Undang² itu bahawa muslihat buroh² dan kesihatan mereka itu telah terjamin. Saya telah meminta supaya undang² ini digubahkan beberapa lama, sa-kadar sekarang saya berharap jangan-lah undang² ini terlambat kerana sudah banyak tanah² ladang yang di-pechah²kan dan benchana² telah pun berlaku berhasil daripada pemechahan itu.

Kita sekarang menaruh sa-penoh² harapan kapada Kerajaan moga² Kerajaan boleh memikirkan apa-kah yang boleh di-perbuat kapada buroh² getah di-dalam mana kebun² mereka bekerja itu telah pun di-pechah²kan. Jika sa-kira-nya Kerajaan boleh mengadakan undang² supaya muslihat pekerja², kebun² getah yang belum di-pechah itu di-jagikan pada masa hadapan, maka tentu-lah boleh Kerajaan mengadakan

undang² yang sa-rupa itu untuk mengawal balek muslihat pekerja² tanah² yang telah pun di-pechakan.

Berkenaan dengan perkara ini, Tuan Pengerusi, saya suka mengshorkan ia-itu Kerajaan hendak-lah mengarahkan Pegawai² Buroh dan Pegawai² Perhubungan Perusahaan supaya mereka berurus dengan tuan² punya tanah baharu yang telah di-pechahkan itu dan berusaha supaya tanah getah-nya itu boleh di-chantumkan pentadbiran-nya supaya tanah² jiran-nya itu boleh di-teruskan berjalan sa-bagi satu yunit estet besar.

Tuan Pengerusi, tuan² kebun baharu itu akan bersetuju berbuat demikian jika sa-kira-nya ia boleh di-buktikan bahawa kebun-nya boleh mendapat keuntongan yang lebeh daripada chara itu. Tuan Pengerusi, satu² estet yang hendak di-chantumkan balek pentadbiran-nya itu hendak-lah di-adakan peratoran² yang tidak merugikan mana² pehak dan sa-masa itu memudahkan penerbit² getah daripada ladang itu umpama-nya perchantuman pentadbiran itu di-hadkan kapada muslihat dan kesihatan buroh² sahaja ia-itu:

- (a) berkenaan dengan rumah² buroh;
- (b) kesihatan buroh² itu dan rumah² mereka dan kesihatan-nya;
- (c) kemudahan² bekalan ayer dan api.

Tetapi, Tuan Pengerusi, tentang lain² hal umpama-nya bayaran gaji dan elaun, bayaran E.P.F. dan emboh, "workmen compensation" kena-lah di-tanggongkan ka-atas tiap² sa-orang tuan tanah di-dalam mana buroh itu bekerja dan tuan tanah itu akan hanya berhak kapada pengeluaran tanah hasil daripada tanah-nya sahaja. Bagitu-lah, Tuan Pengerusi, chara² kasar pada fikiran saya dan jika pehak Kementerian meneliti, menyiasat dan mendalami soal ini lebeh dalam lagi maka saya yakin kita boleh dapat mengeluarkan satu chara untuk memperbaiki keburokan benchana fragmentation yang sudah lepas itu. Dan akhir-nya jika di-kehendaki maka boleh-lah digubahkan satu undang² untuk ini. Kita berharap jangan-lah di-biarkan kuchi² buroh yang berderet di-dalam estet

yang telah di-pecahkan itu di-jadikan seperti satu peringatan tentang kelambatan Kerajaan mengambil tindakan yang tegas daripada menahan fragmentation tanah² ladang getah.

Tuan Pengerusi, kita berasa tidak berapa sedap hati terhadap apa² yang di-katakan oleh Setia-usaha Parlimen kelmarin pada masa ia mengemukakan beralasan bagi Kementerian Buroh berkenaan dengan mogok. Beliau berkata di-dalam tahun 1968 sa-banyak 103 mogok telah berlaku di-Malaysia Barat yang membabitkan 31,062 orang pekerja² kehilangan 208,417 hari kerja, pada hal di-dalam tahun 1967 hanya ada 45 mogok sahaja yang membabitkan 9,452 pekerja² dan kehilangan 157,980 hari kerja dan kita berharap moga² Kerajaan boleh memperbaiki perkara ini. Tetapi pada masa itu kita memberi tahniah kepada Kementerian yang telah berjaya menyelesaikan 215 pertelingkahan kerja daripada 250 kesemua-nya.

Tuan Pengerusi, untuk mengadakan satu negara yang stable iktisad-nya, maka kita berharap jangan-lah Trade Union, ya'ani pekerja² membuat tuntutan² yang bukan² untuk menambah gaji mereka sa-hingga perusahaan yang bersangkutan itu lumpoh dan akhir-nya di-tutup dan sa-hingga penanam² modal yang lain² tidak berani hendak membuka kilang² dan perusahaan² yang baru. Trade Union dari pihak majikan pula kita berharap jangan-lah di-biarkan mereka itu mendapat laba yang berlebihan hasil daripada keringat dan titek peloh pekerja² dengan membayar gaji kepada pekerja²-nya dengan tidak berpatutan. Jika negara kita selalu benar di-ancham oleh pertelingkahan buroh maka pembangunan akan ter-bengkalai.

Tuan Pengerusi, akhir-nya saya suka hendak membawa satu perhatian, satu perkara yang saya fikir patut di-kaji semula oleh Kementerian Buroh ia-itu kepada satu Sekshen di-bawah Undang² Emboh Pekerja—Workmen's Compensation Ordinance, 1952. Kelmarin kita telah mendengar embob² pekerja² yang telah di-bayar pada tahun 1968 ia-lah sa-banyak \$4.1 million—ini ada-lah satu angka yang besar. Perkara yang saya hendak bangkitkan ia-lah tentang

Sekshen 20 Undang² Embob Pekerja², 1952 yang berbunyi demikian :

"Where any injury, for which compensation is payable under this Ordinance, was caused under circumstances creating a legal liability in some person other than an employer to pay damages in respect thereof—

(a) The workman may take proceedings against that person to recover damages and may claim against any person liable to pay compensation under this Ordinance, but he shall not be entitled to recover both damages and compensations."

Soal-nya, Tuan Pengerusi, sekarang mengapa-kah Undang² itu menegakkan atau menyekatkan mana² buroh daripada mendapat kedua² embob atau kerugian itu. Di-dalam private sector ada majikan² mengambil insurance untuk meliputi embob pekerja²-nya dan wang premium telah di-bayar oleh majikan² kepada kompani² insuran itu dan kompani insuran itu pun telah berjanji-lah di-dalam polisi-nya hendak membayar embob kepada pekerja² itu mengikut had yang di-sharatkan oleh undang² jika pekerja itu mendapat kemalangan di-dalam masa ia bekerja. Umpama-nya jika sa-saorang pekerja itu mendapat kemalangan kereta di-dalam masa pekerjaan-nya. Jika insuran kereta yang melanggarkan-nya itu kena membayar kerugian kepada-nya, soal-nya, Tuan Pengerusi, kenapa-kah maka pekerja itu boleh menerima embob daripada satu puncha sahaja. Lazim-nya ia, atau warith-nya jika ia mati, akan menunggu menerima daripada insuran kereta dengan kerana kerap kali pembayaran daripada sharikat insuran kereta itu lebeh tinggi. Tetapi pada masa itu jangan-lah di-lupakan Sharikat Insuran Embob Pekerja telah juga hendak membayar wang embob itu kerana pekerja itu berhak kepada wang embob itu. Kenapa Undang² ini hendak menolong kepada Sharikat Insuran Embob Pekerja di-dalam kejadian yang saya sebutkan tadi.

Undang² ini juga lazim-nya membuatkan pekerja itu atau warith²-nya di-dalam keadaan serba salah. Jika hendak menerima wang embob pekerja, maka wang ini sedikit tetapi boleh di-terima dengan chepat dan lebeh senang. Tetapi jika hendak menerima daripada insuran kereta maka kena

tunggu dengan lambat dan kena keluar perbelanjaan pula untuk membuat pengaduan di-dalam Mahkamah jika kes itu tidak dapat di-buat selesai di-luar Mahkamah, dan lagi tidak tentu kalah atau menang di-dalam kes itu. Jika ia menerima wang emboh daripada Sharikat Emboh Bekerja pula, maka undang² ini menolong pula Sharikat Insuran Nyawa di-bawah undang² Road Traffic Ordinance yang di-paksakan membayar wang kerugian itu.

Saya selalu di-tanya mengapa-kah undang² ini di-buat demikian. Boleh kita menjawab ia-itu, "The law is an ass". Oleh itu harap-lah Kerajaan meminda Sekshen 20 Undang² Workmen Compensation itu supaya membolehkan pekerja² itu menerima kedua² puncha emboh atau kerugian ini. Sa-kian-lah Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Idris (Pulau Pinang Selatan): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menguchapkan terima kasih dan menyokong di-atas pemberian kapada Kementerian ini bagi menjalankan kerja²-nya bagi tahun 1969.

Sa-bagaimana kita ketahui ia-itu dalam negara yang sedang membangun ini tentu-lah kita menerima beberapa kesulitan dan kepayahan bagi menjalankan sa-suatu untuk menyelamatkan negara kita ini. Sa-buah negara yang membangun terpaksa-lah mendapat tentangan daripada mana² pehak, hasil daripada itu-lah maka dapat kita menjalankan perusahaan dan kejayaan bagi negara kita ini. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat daripada Batu tadi yang telah menda'wa bahawa pehak City Council Transport Union telah tidak dapat di-terima untuk menjadi sa-bagai ahli di-dalam Transport Union Sa-Malaya, sama ada da'waannya itu betul atau tidak, saya telah biasa berura² dan berchakap² dengan ahli² Persatuan City Council Transport Union ini, mereka telah bagi tahu ia-itu tidak kesemua ahli² daripada mereka bersetuju di-masokkan di-dalam Persatuan, Transport Union Sa-Malaya. Walau bagaimana pun saya rasa perkara² itu dapat di-usaha dan di-selesaikan oleh Kementerian ini.

Saya suka hendak membawa satu perkara pada perhatian Kementerian ini ia-itu penderitaan daripada pekerja² Port Cargo Handlers. Semenjak tahun 1956 lagi ia-itu sa-belum kita Merdeka lagi, nasib dan keadaan pekerja² ini sangat-lah menderita dan tidak siapa pun yang sanggup membela dan mengambil tahu hal ehwal pekerja² itu. Kalau, Tuan Pengerusi, ingat dalam tahun 1956 satu pemogokan telah berlaku di-kala itu beratus² ahli² pekerja itu telah tidak bekerja dan penderitaan mereka sangat²-lah di-khuatiri. Sa-lepas itu apakala keadaan² bertambah baik sedikit maka pekerja² itu di-masokkan balek untuk bekerja sa-bagai Cargo Handlers di-dalam port² di-pelabuhan di-Pulau Pinang itu. Tetapi nasib mereka itu juga ada-lah saperti biasa juga. Apakala di-bawa perkara ini kapada Kementerian Buroh, maka oleh sebab tidak dapat persatuan faham di-antara Majikan² dan pekerja² sendiri maka perkara itu tidak dapat di-selesaikan, sa-hingga-lah beberapa tahun ini, Kerajaan telah menubuhkan satu badan ia-itu Port Labour Board, yang mana Port Labour Board ini-lah di-beri tugas supaya mengambil tahu hal ehwal kakitangan² atau pun pekerja² pelabuhan ini. Tetapi apa yang saya maksudkan di-sini hanya sa-bahagian daripada kakitangan itu sahaja yang di-masokkan, yang di-daftarkan sa-bagai ahli² yang bekerja.

Saya suka memberi bandingan di-antara kedua² pehak ini ia-itu ahli² pekerja² yang tidak berdaftar dan pekerja² yang berdaftar. Pekerja² yang berdaftar ia-itu yang di-daftarkan di-Port Labour Board, mereka ini telah pun di-aku² atau pun di-persetujui sakurang²-nya sama ada mereka itu bekerja atau tidak mereka di-beri wang gaji atau pun bayaran sa-banyak \$100 bagi sa-bulan. Jadi kalau mereka itu tidak ada kerja pun maka mereka itu di-beri gaji, tetapi lagi satu pehak ia-itu pehak yang tidak berdaftar mereka juga ada mempunyai anak isteri, ada mempunyai keluarga dan sa-bagai-nya. Mereka ini tidak dapat menentukan nasib mereka sama ada mereka ini dapat di-bayar gaji atau tidak, apakala mereka pergi bekerja, kata-lah pada

hari Ithnin mereka bekerja maka harus-lah pada hari Juma'at atau hari Sabtu itu baru bekerja lagi sa-hari, pendek-nya tiap² kali bekerja itu hanya mendapat duit gaji dan apakala mereka tidak bekerja mereka tidak di-tentukan di-beri gaji, jadi sangat-lah susah kedudukan mereka² itu.

Ada di-antara mereka itu hanya dapat bekerja lebih kurang 6 hari pada sa-bulan atau pun 8 hari pada sa-bulan kira-lah kalau sa-hari mereka dapat \$4.00 atau pun \$5.00 hanya pendapatan mereka itu di-antara \$40.00-\$50.00 sa-bulan. Saya hendak bertanya, Tuan Pengerusi, boleh-kah sa-suatu keluarga itu hidup dalam dunia ini dengan ada mempunyai anak 4 atau 5 orang yang mana mereka itu juga ada menghantar anak ka-sekolah, boleh-kah hidup dengan pendapatan yang sa-bagitu kechil? Maka ini-lah saya sunggoh² mendesak dan meminta, dan beberapa kali saya telah mengshorkan supaya Kerajaan atau pun Kementerian ini bersunggoh² berikhtiar, bersunggoh² berusaha supaya orang², atau nasib orang² yang tidak berdaftar ini dapat di-bela dan dapat di-daftarkan mudah²an dengan pendaftaran ahli² ini-lah yang tidak kurang daripada 800 atau 900 orang pada anggapan saya. Sa-kiranya mereka ini dapat mendaftarkan nama, maka sudah tentu-lah penderitaan dan keazapan mereka itu dapat kita atasi sedikit sa-banyak.

Soal buku telah pun di-bangkitkan oleh pekerja² itu, jadi sa-bahagian besar daripada anak² mereka itu hari ini tidak dapat meneruskan pelajaran kerana tidak ada wang untuk membeli buku². Ini-lah satu chara, satu perkara, yang saya sangat² berasa sedih terhadap anak² mereka ini yang mana mereka itu juga hendak hidup sama seperti ra'ayat yang lain. Dan dalam ucapan Setia-usaha Parlimen sa-malam dia telah memberi jaminan mengatakan satu pindaan kepada undang² ini akan di-buat di-dalam tahun ini juga, dan saya harap benar² pindaan ini janganlah di-lengah²kan lagi dan saya suka hendak melihat sa-belum tahun ini pindaan undang² ini dapat di-laksanak-kan, dapat di-jalankan.

Tuan Pengerusi, kalau saya tidak silap dua tiga tahun dahulu ada satu circular yang telah di-keluarkan oleh pejabat ini berkenaan dengan pengambilan dan pelawaan buroh² ka-Sabah. Kemudahan² telah pun di-buat beberapa kali daripada orang² yang ingin hendak berhijerah ka-Sabah tetapi saya tidak tahu sama ada perkara ini telah pun di-laksanakan, telah pun di-buat, atau pun telah di-jalankan oleh Kementerian ini. Saya ingin hendak mengetahui, hendak menerima jawapan daripada Menteri Yang Berhormat. Saya dengar khabar pada satu masa dahulu ia-itu konon-nya oleh sebab pekerja² atau buroh² yang hendak di-hantar ka-Sabah itu tidak dapat sambutan di-sebabkan oleh layanan kurang baik saya rasa dengan keadaan yang sa-macam ini dengan keadaan pengangguran yang ber-lebihan² ini, saya tidak agak yang kekurangan layanan, kehendak layanan, daripada pekerja² ini boleh mendapat tentangan yang hebat. Maka oleh yang demikian ini-lah saya harap benar² oleh memandangkan kapada pengang-goran yang bertambah banyak maka harap-lah Kementerian ini menchari ikhtiar bagi menghantar pemuda² atau pun penganggor yang bertambah banyak ini untuk bekerja di-Sabah.

Akhir-nya satu perkara yang saya ingin hendak membawa ka-pengetahuan Kementerian ini ia-lah berkenaan dengan pekerja² yang bekerja lebih daripada 8 jam mengikut undang² bekerja. Saya dapat tahu ada banyak daripada pekerja² telah di-paksa oleh majikan² bekerja lebih daripada 8 jam. Oleh yang demikian saya berharap benar oleh sebab pekerja² ini tidak mahu di-marahi oleh majikan² takut mereka di-buang kerja maka terpaksa-lah mereka berdiam diri sahaja dan bekerja terus lebih dari 8 jam, kadang² sa-hingga-lah 14 jam mereka bekerja. Oleh yang demikian saya meminta supaya Kementerian ini menyiasat dan meneliti dan melawat tempat² yang ada pekerja² yang bekerja lebih daripada 8 jam ini mengambil ketahu² kira-nya kalau benar perkara ini maka tindakan hendak-lah di-ambil supaya kedudukan buroh² atau pun pekerja² ini tidak-lah terbiar begitu sahaja bekerja lebih

daripada 8 jam sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh undang², ia-lah lapan jam sahaja. Jadi, itu sahaja, Tuan Pengerusi, ucapan saya dan pandangan saya terhadap Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Saya suka hendak dapat tahu berapa minit agak-nya Ahli Yang Berhormat hendak berchakap sebab saya akan tutup bahathan ini pada pukul 12.10.

Tuan Haji Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): 10 minit. Tuan Pengerusi, saya berchakap dalam B. 48 yang di-kemukakan oleh Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh. Yang pertama sa-kali saya suka merujokkan balek kepada, Tuan Pengerusi, dan kepada Kementerian ini atas ekoran ucapan saya di-dalam membahath peruntokan pada Kementerian Pelajaran. Kalau kita lihat di-sekitar tanah ayer kita sekarang ini makin banyak makin ramai lagi anak² yang lepas daripada persekolahan dan akan menghadapi dunia kenyataan dengan kerja masing². Maka perkara ini, saya rasa, ada hubungan yang paling rapat dengan Kementerian Buroh. Saya suka mengshorkan pada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam hal buroh ini daripada sekarang chubalah menchari satu chara keluar untuk membolehkan tiap² atau pun kebanyakan daripada pemuda² kita apabila lepas daripada pelajaran sama ada pelajaran menengah atau pun tingkatan apa yang mereka tamat maka mereka ini akan di-arahkan kepada membolehkan mereka hidup di-dalam satu² lapangan pekerjaan.

Saya berchakap ini saya melihat dalam muka 490 Pusat² Latehan Perusahaan Pekerjaan di-adakan atau pun di-anjorkan oleh Kementerian Buroh ini telah pun ada tetapi pada pendapat saya maseh lagi perkara ini tidak chukup kalau di-usahakan oleh pehak Kerajaan dengan tidak disambut atau di-minta bersama² tiap² majikan sama ada besar atau kecil, sama ada mereka ini mengadakan factory atau pun bengkel² kecil, hendak-lah di-ajak kerjasama. Saya memandang daripada kita membiarkan anak² muda kita ini menganggor menunggu pekerjaan yang di-pilih-nya

sendiri lebeh baik kita membuat perhubungan dengan tempat² ini dan menyelidek sunggoh apa-kah tujuan atau pun pandangan tiap² orang ini, ka-mana arah-nya dia hendak bekerja dan kita masokkan kapada tempat² yang mereka barangkali sanggup.

Saya dukachita, umpama-nya, sa-orang petani dia dapat hak atau dapat memohon sa-bidang tanah daripada Kerajaan barangkali 15 atau pun 10 ekar maseh ada anak² petani yang patut-nya boleh hidup satu keluarga, boleh hidup dengan 10 ekar kalau hasil pertanian atau pun di-usahakan chara pertanian ini tetapi kenapa bila anak² mereka ini lepas daripada belajar anak²-nya akan lari meninggalkan tanah kemudian dia pergi ka-tempat² lain minta² walau pun dia mendapat upah yang paling kecil di-bandar² atau pun di-tempat² lain. Ini membuatkan saya berfikir perkara ini patut diambil kajian sa-mula oleh Kementerian Buroh dan bagi pehak pendaftaran buroh di-tiap² negeri bukan sahaja kita menerima borang² yang telah diisi, yang telah di-pilih oleh pemohon yang menganggor yang hendak kerja lebeh baik mereka ini mesti datang dan mendapat nasihat terus daripada pehak² atau daripada pegawai² ini.

Kalau mereka ini mempunyai kelulusan yang rendah kemudian mengisikan borang hendak bekerja yang di-fikirkan-nya layak bagi diri-nya pada hal kita memikirkan mereka ini tidak layak ada-lah membanyakkan lagi pendaftaran² dan sa-hingga bertahun² mereka ini tidak akan di-panggil kerana academic-nya atau pun pelajaran yang kita kehendaki hendak di-arahkan kapada satu² tempat tidak-lah barangkali memadai. Jadi, perkara ini hendak-lah di-siasat balek dan diambil perhatian supaya pemuda² kita yang makin banyak keluar daripada persekolahan pada masa akan datang akan dapat kita arahkan atau nasehatkan kapada tempat² yang munasabah.

Satu perkara lagi yang saya hendak sebutkan di-dalam ucapan saya ini ia-itu saya hendak memberi tahniah dahulu kapada Menteri yang berkenaan dan kapada Kementerian ini kerana dapat menjaga kepentingan

buroh dalam negara kita ini dan walau pun beberapa banyak perkara² mogok telah terjadi tetapi negara kita bolehlah kita katakan sa-buah negara yang dapat memberi kebajikan kepada buroh baik daripada negara² lain yang barangkali kalau kita hendak bandingkan satu persatu tentu-lah kita sendiri dapat mengikuti sa-panjang² ada berita atau hal² permeshuaratan kita baik dalam negeri atau pun luar negeri, tetapi yang saya nampak sekarang ini patut Kementerian ini mengambil pandangan lagi atau pun kalau hendak menambah menokok sedikit undang² berkenaan dengan kebajikan buroh ini supaya hak yang di-beri kepada kesatuan² buroh ini jangan sampai menjolok mata.

Saya maksudkan bagini, kesatuan² buroh ini dia menjaga pehak majikan dan menjaga Kerajaan tidak boleh salah sedikit dan mengambil masa² yang tertentu mithal-nya hendak Hari Raya mereka akan mogok berkenaan dengan api biar semua orang gelap walhasil kalau kita pergi ka-satu² tempat, discipline pekerja² ini pun tidak terjaga, baik buroh kasar atau pun buroh halus, kadang² sa-bagai majikan yang memberi gaji kepada mereka yang bekerja ini kadang² tidak setimbang umpama-nya mereka, kata-lah, menjawat jawatan kerani, kalau kerani ini mendapat gaji \$200, \$300 sa-bulan kalau dia bekerja hanya menulis surat dua tiga keping sa-hari bukan-lah mahal harga-nya, tetapi tidak boleh di-tegah kalau dia dudok atau pun tidak membuat kerja ini tidak jadi apa², tetapi kalau sedikit sahaja kesalahan barangkali fasal pertukaran-kah atau fasal gaji-kah atau pun fasal elaun dia terlambat ini boleh menjadikan kesatuan² bertindak sa-olah² hendak mengugut dan memberi amaran kepada pehak² yang tertentu supaya menjadi huru hara keadaan negeri kita ini.

Saya rasa perkara² yang di-bolehdan mogok patut hendak di-chatetkan. Banyak sa-tengah² tempat itu memang besar ada pekerja² yang tidak layak baik di-estate atau pun di-factory atau di-tempat lain tetapi kalau kita marah atau pun memotong gaji atau pun mengurangkan pekerja kerana peng-

hasilan kurang mereka akan mengugut hendak mogok. Jadi, perkara ini saya rasa tentu-lah patut kita baiki lagi supaya dapat kita jaga di-atas kedua pehak. Kemajuan negara kita bukan sahaja tergantung kepada pekerja tetapi tergantung juga pada pengeluaran. Jadi, kalau pengeluaran kita kurang, pekerja kita lebeh, tentu-lah saya rasa tidak munasabah. Umpama macham yang telah lalu ini kita tengok keretapi kita, tiap² tahun rugi, tiap² tahun rugi, kemudian maseh lagi pekerja² ini tidak puas hati dengan tawaran² yang di-beri. Saya tidak-lah hendak menyekat hak nasib manusia dengan pendapatan masing² tetapi kita tahu masaalah keadaan kita apabila kita hendak memohon kelayakan kita kalau sa-bagai sa-orang doktor tentu-lah kita akan hendak nilai kerja tenaga kita sa-bagai sa-orang doktor tetapi kalau nilai kita sa-bagai pekerja yang tidak ada mempunyai pelajaran tinggi hanya barangkali tulang urat kita sahaja kita kerjakan tentu-lah sa-imbang perkara² itu yang kita dapat. Jadi, tidak dapat-lah kita hendak memuaskan tiap² orang yang punya kemahuan mengikut kalau orang lain dapat baik, kita pun hendak mendapat baik, walhasil kita masing² ada mempunyai kepandaian, masing² mempunyai kecekapan dan kita harapkan dapat-lah Kementerian ini mengambil sikap yang lebeh baik lagi atau menchari jalan untuk membuat sa-suatu peratoran yang lebeh baik lagi supaya sa-imbang bagi pehak majikan, bagi pehak pekerja dan bagi pehak ra'ayat kita seluroh-nya yang sama² bertanggung-jawab untuk negara kita ini. Jadi lebeh kurang itu sahaja-lah yang saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kaseh.

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh (Tuan Lee San Choon):

Mr Chairman, Sir, in rising to reply to the debate in respect of Head S. 48, I wish to thank Honourable Members for their well meant suggestions and the friendly tips that they have given. I am happy to note that Honourable Members are appreciating the changes that have been and are being made in the operational services of the Ministry to gear itself to cope even more effectively with the manifold manpower

problems facing this country. It is indeed very encouraging that much of the comments on the activities of the Ministry have been well informed and even where not so well informed, have certainly been well meant.

I would like to preface my reply by pointing out that in an economy like ours which is all the time subject to change and growth, we can expect the pattern of economic activities by which the people earn their living to also change over time. This, in itself, should not be a matter for concern. The important thing is that if our economy develops fast enough and there are arrangements which help workers shift from shrinking and declining industries to other growth industries or sectors of the economy, it should give no cause for alarm. The Ministry of Labour is keen to play its part in this process and given the co-operation of employers and workers alike, it has a fighting chance of making a good job of it.

The Honourable Member for Sungai Patani, who seems to have his eyes and ears to the ground, has stated that there is a prevailing impression among the general public that the Ministry is somewhat soft to labour and that there is a risk of our workers getting pampered and spoilt in the process. But, Sir, on the other hand, it has been suggested and sometimes accused by Unions, even also by some Honourable Members of this House, that we are not sufficiently pro-labour. So, if these cancel each other out, then the Ministry can be said to be adopting a neutral stand by being fair to one and all, favouring neither one group nor the other. Indeed, in its whole range of activities, particularly in its conciliation effort, endeavour is made to be fair to one and all, and to get the parties to consider issues on their merits. In short, our approach is governed by what is the right thing in the interest of the country rather than what is right.

The same Honourable Member also complained of a certain parochial attitude on the part of the officers manning the Employment Offices. Mr Chairman, Sir, here I would like to make a point that applicants for jobs are referred to

employers on the basis of the requirements indicated in orders placed with the Office concerned and final selection is the responsibility of the employer himself. Applicants for jobs are no longer referred to employers on the basis of seniority of registration but on the basis of their assessed suitability for the job, and a serious effort is made to seriously match the job-seekers to the employer's requirements. If totally unsuitable persons, who even lack the minimum requirements for the job, are sent to employers, what will happen is that employers in the private sector will more and more ignore the Employment Offices. This can mean the Employment Offices being ineffective in getting placements in the private sector. If the Honourable Member, or anyone else, can pinpoint actual cases of irregularities in the day-to-day operation of the Employment Offices, the Ministry will investigate promptly to put matters right.

The Honourable Member for Bachok also made certain suggestions for the Ministry to do even better. He can be assured that the Ministry is doing its utmost to resolve employer/employee disputes and the monthly reports of the Ministry give an account of the progress made month-by-month. As for employment opportunities, it is not true that the Ministry is pre-occupied with job openings in Government Departments and quasi-Government bodies only. Indeed, out of 2,700 placements effected by the four main Employment Offices in the country in the second half of 1968, more than 90 per cent. represented placements in the private sector. It is the policy of the Ministry to maintain contacts with the private sector on a wide front—all the more so since we know this will be where increasing job opportunities will lie. Also, I should stress that the Government does not equate employment opportunities with wage-earner status because the self-employed are also important.

The Honourable Member for Sungai Patani who requested that in assessing the E.P.F. the financial circumstances of the employers should be taken into

consideration—perhaps he implied that they be given preferential treatment. The Employees Provident Fund Ordinance came into force nearly 15 years ago and its scope then was rather restricted. Gradually over the years, especially, when there were cries in this very House and clamours from responsible trade unions, the Government enlarged the scope of the E.P.F. Ordinance. At the moment, nearly everyone has to contribute to the E.P.F. To suggest that small employers should be given preferential treatment is putting the clock back. Further, the contribution by the employer is a mere 5 per cent.

The Honourable Member for Kluang Utara expressed concern over employment opportunities for those civilian workers affected as a result of the British withdrawal. As the Honourable Member for Kluang Utara might be aware, this Ministry has been working and continues to work closely with the State Government of Johore on how best to help civilian workers in the State, who find themselves retrenched as a result of the withdrawal of British Forces.

In reply to the Honourable Member for Segamat Utara, I wish to say that, to start with, the social security scheme will be applicable to urban areas only. This is essential for administrative reasons, particularly in the absence of any experience in this highly technical field of social security, but it is the intention of my Government to extend the Social Security Scheme to rural areas in due course.

I would now like to reply to the Honourable Member for Batu who raised the problem of unemployment, and also others. The Honourable Member referred to the problem of rising unemployment and has asked for a blueprint for tackling the unemployment problem. He seemed to imply that this is exclusively a matter for the Ministry of Labour. This is far from being the case. The Ministry does not create employment opportunities. However, the Alliance Government has, over the years, through

promoting land development schemes, the setting up of new industries and providing a wide range of education and training facilities, done a lot. This should be obvious to all except to those who have eyes but prefer not to see. The Honourable Member should recognise that we are dealing with a dynamic situation and talk of a two-year or three-year blueprint for increasing employment is, in my view, unrealistic.

The Honourable Member for Bachok referred to the 350,000 organised workers and said that the majority of them are non-citizens. I do not agree with the Honourable Member for Bachok that the majority or over 50 per cent.—I think that is what he said—of the organised workers are non-citizens. According to the law of the country, every worker has the right to join a trade union. Our legislation, however, restricts appointments of office bearers in trade unions to citizens only.

The Honourable Member for Batu referred to the Penang Hill Railway workers and asked why were not they allowed to join the Transport Workers Union. The membership for the Transport Workers Union is confined to private transport companies, and persons who are employed in Government or quasi-Government are not permitted to join this Union.

The Honourable Member for Pulau Pinang Selatan has raised the problem faced by cargo handlers in Penang. I can assure the Honourable Member that the matter is receiving the serious attention of the Port Labour Board.

Sir, many other Honourable Members have raised a number of suggestions, some of which are very constructive, and I can assure them that they will be given consideration by my Ministry. Thank you.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan sadikit. Saya ada membangkitkan beberapa perkara di-bawah Wages Regulation Shop Assistants Order, 1963 dan Wages Regulation Catering and Hotel, 1967 dalam mana 5,800 pekerja²,

500 daripada-nya telah di-bayar gaji rendah daripada yang patut dan pehak majikan maseh terhutang \$40,000. Ada-kah ini benar dan apa-kah tindakan.

Tuan Lee San Choon: Tuan Pengerusi, boleh-kah Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengulangkan soalan itu?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya hendak meminta penjelasan dari pehak Menteri, ia-itu saya telah membangkitkan perkara berkenaan dengan penyiasatan yang di-buat oleh Kerajaan mengikut kedudukan Wages Regulation Shop Assistants Order, 1963 dan di-bawah Wages Regulation Catering and Hotel, 1967. Dalam masaalah ini Kerajaan dapati 5,800 pekerja² di-antara-nya 500 orang di-bayar tidak patut, gaji-nya rendah, dan pehak majikan berjanji hendak membayar kira² \$40,000 lagi. Ada-kah ini berlaku betul dan sudah-kah tindakan di-ambil.

Tuan Lee San Choon: Tuan Pengerusi, majikan² itu telah terpaksa membayar dan wang itu telah pun di-bayar kepada pekerja²-nya.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$7,744,132 untuk Kepala B. 48 di-perintah menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala² B. 49, B. 50, B. 51, B. 52, B. 53, B. 54, B. 55 dan B. 56—

Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Pengerusi, saya mohon izin Tuan untuk mengemukakan Anggaran Belanja mengurus bagi tahun 1969 untuk Kementerian Tanah dan Galian dan juga Pejabat² di-bawah-nya seperti berikut:

Kepala B. 49—Kementerian Tanah dan Galian	\$ 851,847
Kepala B. 50—Pesuruhjaya Tanah	720,218
Kepala B. 51—Jabatan Galian	1,364,988
Kepala B. 52—Jabatan Ukor	13,343,063
Kepala B. 53—Jabatan Penyiasatan Kajibumi	1,250,408
Kepala B. 54—Jabatan Perhutanan	2,186,227
Kepala B. 55—Jabatan Mergasetua	262,583
Kepala B. 56—Jabatan Orang Asli	2,392,101
	\$22,371,435

Huraian mengenai kepala² itu adalah seperti berikut:

B. 49—Kementerian Tanah dan Galian

Kementerian ini hanya memerlukan \$851,847 untuk belanja mengurus Kementerian dan juga Jabatan Penyiasatan Kajibumi Malaysia Timor. Daripada jumlah itu, \$202,045 ia-lah untuk Pechahan-kepala 1—Gaji—untuk Kementerian saya dan \$215,212 untuk Kajibumi Malaysia Timor. Gaji untuk Kementerian saya kurang sedikit dari tahun dahulu, dan untuk Kajibumi Malaysia Timor berkurangan sa-banyak \$52,384 daripada tahun 1968. Sebab²-nya ia-lah tidak ada lagi pegawai² expatriate yang berkhidmat dalam Jabatan ini dan juga Jabatan ini telah di-susun sa-mula dan telah di-satukan dengan Jabatan Kajibumi Malaysia Timor. Langkah penyatuan ini ada-lah sesuai dengan dasar Inter-Governmental Committee Report. Dengan penyusunan ini, jawatan² Pengarah dan Timbalan Pengarah di-Malaysia Timor di-hapuskan dan di-tempat-nya di-gantikan dengan dua jawatan Ketua Pengarah Kajibumi—satu untuk Sarawak dan satu untuk Sabah.

Bagi Kementerian ini anggaran untuk Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun menunjukkan kelebihan sa-banyak \$29,052 dari tahun sudah. Tambahan ini hampir ka-semua-nya ia-lah untuk Pechahan-kepala 5—Pasokan Pengorek Penyelidekan Galian.

Wang \$29,000 yang berlebehan daripada tahun 1969 itu di-kehendaki untuk menjalankan kerja² menchari gali yang lebeh daripada tahun dahulu dan juga kawasan² yang akan di-siasat itu agak lebeh sukar daripada kawasan² yang telah di-siasat dalam tahun 1968. Dalam tahun 1969 Pasokan ini akan memulakan kerja menyiasat-nya di-Johor. Juga tambahan daripada anggaran 1968 itu di-perlukan oleh kerana alat² gerudi (drilling equipment) sudah tua dan ada perkakas² yang perlu di-ganti.

Untuk Malaysia Timor pula, anggaran untuk Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun menunjukkan kekurangan sa-banyak \$4,200 daripada tahun lepas. kekurangan ini ada-lah

terdapat di-Pechahan-kepala 10—Pentadbiran (\$900); Pechahan-kepala 16—Penchetakan dan Alatulis (\$300) dan Pechahan-kepala 18—Penyelidekan Lautan dan Universiti (\$3,000).

Mengenai Perbelanjaan Khas pula, hanya \$600 di-perlukan oleh Kementerian saya dan \$7,570 di-perlukan untuk Pejabat Kajibumi di-Malaysia Timor. Kebanyakan daripada peruntokan untuk Malaysia Timor ia-lah untuk membeli perkakas² untuk penyeledekan, umpama-nya teropong halus (microscope) dan alat penghanchor dan penghalus.

Kepala B. 50: Tuan Pengerusi ia-lah berkenaan dengan Anggaran Pesuruhjaya Tanah, Negeri² Tanah Melayu yang memerlukan anggaran sa-banyak \$720,218 untuk tahun ini berbanding dengan \$679,834 pada tahun dahulu. Daripada anggaran itu sa-banyak \$567,654 ada-lah di-Pechahan-kepala 1—Gaji yang menunjukkan tambahan sa-banyak \$37,574 daripada tahun dahulu dan ini ada-lah di-sebabkan oleh kerana kenaikan gaji tahunan biasa Pegawai²-nya, juga untuk pembayaran sewa ekonomi kepada 4 orang Pegawai² Kanan dalam Bahagian I dan di-sebabkan jawatan Pesuruhjaya Tanah, Negeri² Tanah Melayu telah di-naikkan ka-Peringkat 3 (Superscale "C") daripada Peringkat 4 (Superscale "D") mula² dari 1hb Mei, 1966. Dengan demikian nyata-lah bahawa tambahan daripada anggaran tahun dahulu itu ada-lah kenaikan biasa sahaja.

Anggaran untuk Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun yang dikehendaki untuk tahun ini ia-lah \$151,364 berbanding dengan \$151,054 tahun dahulu. Ini bermakna bahawa untuk tahun ini anggaran itu hanya melebihi \$300 sahaja. Dan harga \$300 itu ada-lah untuk kenaikan di-Pechahan-kepala 5—Pengkangkutan dan Perjalanan Ibu Pejabat.

Anggaran Perbelanjaan Khas tahun 1969 ada-lah sa-banyak \$1,200 sahaja. Wang itu akan di-belanjakan untuk Pejabat Ranchangan Penyelesaian Tanah Perlis yang akan membeli perkakas² dan kelengkapan² di-pejabat khas-nya untuk Pegawai² Penempatan-nya.

Kepala B. 51—Jabatan Galian

Tuan Pengerusi, sekarang saya beraleh kepada Kepala tersebut B. 51—Jabatan Galian yang memerlukan Anggaran sa-banyak \$1,364,988. Angka ini menunjukkan kekurangan sa-banyak \$20,144 daripada tahun sudah.

Untuk Pechahan-kepala 1—Gaji, sajumlah \$1,064,892 di-perlukan untuk tahun ini, ia-itu \$16,622 berkurangan daripada tahun lalu. Kekurangan ini berlaku sungguh pun ada 4 jawatan baru yang di-wujudkan, ia-itu 2 jawatan Pembantu Teknik dan 2 jawatan Pembantu Galian—kesemua jawatan ini ada-lah jawatan Tingkatan Biasa. Jawatan² baru ini di-perlukan untuk melicinkan lagi perjalanan Jabatan ini, terutama sa-kali dalam Bahagian Penyelidekan. Kekurangan anggaran gaji bagi tahun ini ia-lah kerana pegawai² kanan yang bersara dan pegawai² muda menggantikan-nya.

Saperti umum mengetahui, tugas Jabatan ini yang terutama ia-lah untuk mengawas segala yang berkenaan dengan penghasilan bijih² yang terdapat di-negeri ini, terutama-nya timah.

Anggaran untuk Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun ada-lah berlebih sa-banyak \$21,828 daripada anggaran tahun lalu, untuk mempergiatkan lagi tugas² Jabatan itu.

Pechahan-kepala 2—Pentadbiran Pejabat juga bertambah dalam tahun ini jika di-bandingkan dalam tahun 1968. Ini di-sebabkan oleh kenaikan tahunan gaji pekerja² I.M.G. dan juga bertambah-nya pembayaran² ayer dan api. Daripada anggaran \$40,000 ini juga Pejabat ini akan membeli buku² dan peta² untuk kegunaan pejabat.

Pechahan-kepala 5 juga menunjukkan anggaran yang \$3,000 lebih daripada tahun lalu. Daripada anggaran pechahan-kepala ini bayaran² akan dibuat bersangkutan dengan kerja² Bahagian Penyelidek yang akan memperluaskan bidang penyelidekan-nya dalam segi perpisahan logam (ore separation).

Perbelanjaan Khas—

Anggaran perbelanjaan khas tahun ini berkurangan sa-banyak lebih daripada \$24,000 daripada tahun lalu oleh

kerana keadaan yang berlainan. Dalam tahun ini hanya \$10,000 di-anggarkan untuk elaun² pakar² ranchangan Colombo. Jabatan ini berharap pakar itu, yang sa-harus-nya telah datang dalam tahun lalu, akan dapat berkhidmat di-Jabatan ini pada pertengahan tahun ini. Beliau akan di-tempatkan di-Bahagian Penyelidikan untuk memberi nasehat dan latehan dalam bidang ore-separation dan mineral-dressing.

Di-Pechahan-kepala 17 pula ada anggaran membeli trailer untuk jentera UNIMOG. Trailer ini penting sa-kali untuk membawa perkakas² yang berat di-gunakan oleh Pasokan Gerudi yang menjalankan kerja² di-tempat² di-mana keadaan rupabumi amat-lah sukar. Tanpa trailer ini banyak masa dan wang akan terbuang dengan tidak menghasilkan pekerjaan yang lebeh.

Sa-banyak \$1,250 juga di-perlukan untuk Pechahan-kepala 18, Mesin Menchetak Pelan oleh kerana di-masa ini perusahaan melombong di-Malaysia telah berlipat ganda banyak-nya yang menyebabkan mesin ini di-perlukan untuk mencheptakan lagi kerja.

Untuk Pechahan-kepala 19 pula, satu theodolite yang berharga \$1,500 di-perlukan untuk kerja mengukur kawasan² lombong oleh Jabatan Galian di-Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Tuan Pengerusi,

Masok Kepala B. 52—*Jabatan Ukur* yang memerlukan anggaran sa-banyak \$13,343,063 untuk anggaran mengurus tahun ini. Jabatan ini mempunyai 1573 jawatan² yang tetap sementara ada beberapa banyak lagi buroh² kasar dan buroh² sementara yang di-gunakan dari masa ka-samasa untuk pekerjaan yang tertentu. Daripada anggaran lebeh daripada \$13 juta itu sa-banyak \$8,273,873 ada-lah di-perlukan untuk membayar gaji sahaja dan ini merupakan tambahan sa-banyak \$4,447 daripada tahun lepas.

Untuk Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun, anggaran untuk tahun 1969 ini berkurangan sa-banyak \$998,728 daripada tahun lepas. Ini ia-lah di-sebabkan oleh kekurangan sa-banyak \$999,990 sa-bagai bayaran

kapada Pejabat Tanah dan Ukur Sarawak kerana kerja² Persekutuan. Sebab-nya ia-lah Kerajaan Persekutuan telah terlebeh membayar dalam beberapa tahun yang lampau untuk maksud ini dan dalam tahun 1969 Jabatan ini hanya akan mengadakan wang tanda sa-banyak \$10 sahaja sa-tahun hingga ka-suatu masa yang akan di-tetapkan oleh pehak² yang berkenaan kelak.

Masok Kepala B. 53—*Jabatan Penyasatan Kajibumi*. Peruntokan yang di-pinta tahun ini ia-lah \$1,250,408 berbanding dengan \$1,209,441 yang menunjukkan kelebehan sa-banyak \$40,967 dari anggaran tahun lepas. Saperti yang telah saya katakan pada permulaan ucapan saya Jabatan Penyasatan Kajibumi ini telah disatukan dengan Jabatan Penyasatan Kajibumi Malaysia Timor dan Jabatan Penyasatan Kajibumi yang beribu pejabat di-Ipoh ini juga akan mengawas segala pentadbiran Jabatan yang beribu-pejabat-nya dahulu di-Kuching. Untuk maksud anggaran ini saya hanya menyentoh sekarang tentang Jabatan Penyasatan Kajibumi Ipoh kerana anggaran mengenai dengan Jabatan Kajibumi Malaysia Timor telah pun saya samakan dengan anggaran Kementerian saya terdahulu dari ini.

Di-bawah Pechahan-kepala 1 tadi tidak ada jawatan baru yang di-wujudkan, sunggoh pun bagitu, anggaran untuk gaji telah bertambah dari \$891,811 kapada \$900,398 untuk tahun ini dan tambahan ini ada-lah kerana kenaikan gaji tahunan pegawai². Saperti tahun² sudah Jabatan Penyasatan Kajibumi maseh mengalami kesukaran untuk mendapatkan Pegawai Kajibumi dan jabatan ini hanya mempunyai 15 Pagawai Kajibumi sunggoh pun ada sa-banyak 24 jawatan di-dalam-nya. Kesukaran untuk mendapat Pegawai Kajibumi ia-lah di-sebabkan kerana kebanyakan daripada mereka yang mendapat Ijazah dalam ilmu kajibumi lebeh suka berkhidmat dengan sharikat² perebet daripada berkhidmat dengan Kerajaan oleh sebab² yang tertentu. Ini berma'ana bahawa Jabatan Kajibumi di-Ipoh hanya mempunyai 60% tenaga yang penting. Kesukaran yang sa-demikian juga terdapat di-Malaysia Timor dan sa-sunggoh-nya kesukaran

itu lebih rumit lagi dari apa yang terdapat di-Malaysia Barat.

Di-bawah tajuk Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun (OCSE) anggaran yang di-minta untuk tahun ini ia-lah \$349,310 berbanding dengan \$316,630 untuk tahun 1968 ia-itu berlembahan sebanyak \$32,680 daripada anggaran tahun lepas. Di-antara Pechahan-kepala yang menunjukkan kenaikan yang agak banyak daripada anggaran tahun dahulu ia-lah Pechahan-kepala 2—Pentadbiran, yang menunjukkan ke-lemahan sa-banyak lebih dari \$5,000 dalam tahun ini. Ini ada-lah di-sebabkan oleh kerana Ma'mal yang terbaharu telah di-buka di-Ipoh menyebabkan kegunaan tenaga letrik, ayer yang lebih.

Pechahan-kepala 7—Menchetak Penyata dan Peta menunjukkan ke-lemahan sa-banyak \$15,500 daripada tahun dahulu di-sebabkan oleh kerana Jabatan ini akan menchetak dengan sa-berapa banyak yang boleh risalah dan buku² teknikal mengenai siasatan² yang telah di-buat oleh Jabatan ini. Juga ada-lah di-harapkan bahawa pada tahun ini penchetakan itu akan berlembahan daripada apa yang telah di-chetak pada tahun² yang sudah oleh kerana Jabatan ini telah mendapat perkhidmatan sa-orang Pakar dari Canada yang menumpukan segala tugas-nya untuk menyunting (edit) segala laporan yang telah di-buat oleh Pegawai² Kaji-bumi di-Malaysia Barat sejak beberapa tahun yang dahulu.

Pechahan-kepala 8—Pengangkutan dan Perjalanan juga menunjukkan ke-lemahan sa-banyak \$9,000 daripada tahun dahulu kerana apabila di-adakan lebih perkhidmatan atau pun penyiasatan terutama sa-kali di-hutan² simpan dan hutan-belantara, perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan tentu-lah juga meningkat naik.

Kepala B. 54—Perhutanan

Tuan Pengerusi, Perhutanan dan saya minta anggaran sa-banyak \$2,186,227 di-luluskan untuk jabatan ini. Angka atau anggaran ini ia-lah \$104,105 atau 4.9% tinggi-nya daripada anggaran tahun 1968. Sebab² mengenai kenaikan anggaran yang tidak berapa banyak itu akan saya huraikan di-bawah ini.

Pechahan-kepala 1—Gaji

Anggaran untuk gaji ia-lah \$1,440,606 ia-itu \$34,454 atau 2.5% tinggi daripada tahun dahulu. Sebab kenaikan ini ia-lah kerana kenaikan tahunan gaji pegawai² dan juga oleh kerana bertambah-nya 6 jawatan baharu dalam Bahagian I dan satu jawatan baharu dalam Bahagian III.

Untuk OCAR pula jabatan ini memerlukan sa-banyak \$604,260 berbanding dengan \$566,460 bagi tahun dahulu yang berma'ana dengan ke-lemahan anggaran daripada tahun dahulu sa-banyak \$37,800 atau 6.7% sahaja. Tambahan anggaran untuk tahun ini ada-lah di-sebabkan bahagian besar-nya oleh:

(a) Pechahan-kepala 2—Pentadbiran ..	\$13,300
(b) Pechahan-kepala 8—Penyelidikan ..	9,500
(c) Pechahan-kepala 9—Pengangkutan dan Perjalanan ..	10,500

Sebab kenaikan sa-banyak \$13,000 di-Pechahan-kepala 2 ia-lah oleh kerana pembayaran ayer dan api juga untuk menyelenggarakan loji penyejok udara. Di-bawah Pechahan-kepala 8, tambahan itu ia-lah di-perlukan untuk menyelenggarakan dan bahagian baru ia-itu bahagian Entomology dan Silviculture, juga di-Kepong. Bahagian² baru ini juga memerlukan pekerja² I.M.G., pembelian kimia dan juga barang² lain. Sa-banyak \$10,500 lebih daripada anggaran tahun dahulu ada-lah juga di-perlukan untuk Pechahan-kepala 9—Pengangkutan dan Perjalanan untuk menampung belanja pegawai² baharu yang bakal akan di-dapati dalam tahun 1969 dan juga untuk membayar belanja pegawai² dari Ibu Pejabat, Kuala Lumpur untuk pergi ka-Malaysia Timor berthabit dengan ranchangan perusahaan hutan di-mana Timbalan Pengarah Hutan ia-lah co-Manager bagi projek itu.

Tuan Pengerusi, untuk Perbelanjaan Khas pula anggaran yang sava pinta untuk jabatan ini ia-lah \$141,361 berbanding dengan \$110,510 bagi tahun dahulu. Kelembahan anggaran bagi tahun ini menunjukkan angka \$30,851 atau 27.9% anggaran tahun 1968. Untuk Pechahan-kepala 14—Perkakas dan Kelengkapan Pejabat jabatan ini memerlukan sa-banyak \$54,261 untuk membeli perkakas² pejabat dan juga

perkakas dan alat untuk di-gunakan dalam bahagian penyelidekan. Untuk Pechahan-kepala 15—Perchetakan dan Penerbitan, anggaran yang di-pinta ialah \$16,000 berbanding dengan \$8,000 pada tahun dahulu untuk menchetak 2,000 naskhah “Tree flora of Malaysia” dan harga menchetak buku² sahaja ialah sa-banyak \$7,000. Baki-nya sa-banyak \$9,000 akan di-gunakan untuk menchetak buku² untuk kegunaan Sekolah Latehan di-Kepong dan juga untuk menchetak buku “Microscopy of Malaysian Timbers” dan juga untuk menchetak lain² penerbitan.

Pechahan-kepala 17—Elaun dan Belanja Sukarela juga menunjukkan tambahan belanja sa-banyak \$10,200 daripada tahun 1968 untuk membayar belanja pengangkutan dan perjalanan dan juga elaun² saku untuk 4 Sukarelawan luar negeri yang telah ditempatkan di-Pusat Penyelidekan Hutannya, Kepong.

Pechahan-kepala B. 55, Tuan Pengerusi, ia-lah mengenai Jabatan Mergastua. Jabatan ini memerlukan anggaran sa-banyak \$262,583 untuk tahun ini berbanding dengan \$251,299 daripada tahun dahulu, ia-itu kelebihan sa-banyak \$11,284 dari tahun 1968.

Jabatan ini terus akan menjalankan tugas-nya untuk memelihara binatang² liar supaya mereka tidak akan hapus dari bumi Negara dan juga Jabatan ini akan berusaha lagi untuk mengelakkan makhlok² itu daripada seksaan manusia. Untuk maksud memelihara makhlok² ini Jabatan ini telah mendapat perkhidmatan sa-orang pakar binatang² liar dari Kanada dan sa-telah lebeh dari satu tahun, beliau telah pun mengeluarkan hasil penyelidekan-nya. Laporan-nya sedang di-kaji oleh Kementerian ini. Jabatan Mergastua dalam tahun ini mendapat satu jawatan baru, ia-itu jawatan Pegawai Penyelidekan untuk melichinkan tugas² Jabatan ini. Jawatan ini perlu untuk jabatan ini menchari jalan bagaimana dapat kita memelihara, dan jika boleh membiakkan lagi binatang² liar di-rimba agar anak chuchu kita berpeluang melihat segala binatang² itu kelak, dan tidak hanya mendengar bahawa “pada satu masa binatang itu pernah ada hidup

di-sini.” Sa-lain daripada jawatan ini, tidak ada jawatan baharu di-wujudkan dan angka tambahan sa-banyak \$8,264 daripada tahun 1968 untuk Pechahan-kepala 1—gaji ia-lah untuk gaji jawatan baharu dan untuk kenaikan tahunan gaji pegawai² yang lain.

Untuk perbelanjaan Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun pula, kelebihan daripada tahun 1968 ialah sa-banyak lebeh kurang \$1,000 sahaja. Kelebihan itu ia-lah untuk Pechahan-kepala 6—Pengangkutan dan Perjalanan dan untuk Pechahan-kepala 8—gaji dan elaun Jaga. Anggaran Pechahan-kepala 6 perlu di-naikkan dari tahun lalu kerana ada-nya jawatan baru dan kenaikan untuk Pechahan-kepala 8 ia-lah untuk kenaikan tahunan penjaga pejabat.

Perbelanjaan untuk Taman Negara juga tidak menunjukkan perubahan besar daripada tahun lalu sungguhpun Pechahan-kepala 10—Pengangkutan dan Perjalanan menunjukkan kelebihan sa-banyak \$2,000 dari tahun lalu. Ini ia-lah di-sebabkan oleh kerja² pembangunan. Saya akan jelaskan kedudukan di-Taman Negara ini apabila saya membentangkan anggaran Pembangunan nanti.

Sekarang, Tuan Pengerusi, saya beralah pula ka-Kepala B. 56, Jabatan Orang Asli, yang memerlukan anggaran perbelanjaan sa-banyak \$2,392,101 untuk tahun ini, ia-itu \$76,601 lebeh daripada anggaran tahun 1968.

Untuk gaji, anggaran tahun ini ber-lebihan sa-banyak \$48,705 daripada anggaran tahun sudah. Ini ia-lah di-sebabkan oleh wujud-nya 9 jawatan baharu atau pun ada jawatan² yang telah di-naikkan taraf-nya, umpamanya Jabatan ini telah mendapat 1 jawatan Sister Tutor, 1 jawatan Jurutaip, 8 jawatan Pengurus Orang Asli, Tingkatan Khas, 4 jawatan Pembantu Orang Asli (Pelajaran) dan 1 jawatan Pelayan Pejabat. Kesemua jawatan² ini ia-lah untuk Pusat Perubatan di-Gombak. Di-samping mendapat jawatan² itu, beberapa jawatan pula di-hapuskan, ia-itu 9 jawatan Pengurus Orang Asli, Tingkatan Biasa (6 dari Bahagian ‘Am dan 3 dari Bahagian Perubatan). Sa-benar-nya jawatan² itu

bukan-lah di-hapuskan dengan erti-kata sa-benar-nya, tetapi di-kurangkan oleh kerana taraf 6 jawatan² itu telah di-naikkan ka-perengkat Khas. Selain daripada itu, tambahan anggaran gaji ini daripada tahun lalu juga di-sebabkan oleh kenaikan tahunan gaji pegawai²-nya.

Untuk Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun sa-banyak \$1,162,360 di-perlukan untuk tahun ini, ia-itu \$17,050 lebeh daripada tahun lalu. Kenaikan ini ada-lah kenaikan biasa, namun demikian suka juga-lah saya menjelaskan sedikit sa-banyak pechahan kepala yang terdapat di-bawah perkara ini.

Untuk pechahan kepala 4—Penyenggaraan, anggaran sa-banyak \$65,660 (berbanding dengan \$74,900 dalam tahun 1968) ia-lah pada am-nya, untuk menyelenggarakan Pusat Perubatan untuk Orang Asli di-Gombak. Pusat perubatan itu tidak-lah aneh seperti yang di-fikirkan oleh orang ramai, kerana bukan-nya Pusat itu memberi rawatan kepada Orang² Asli sahaja, tetapi Pusat itu juga menerima siapa sahaja yang ingin mendapat rawatan. Kalau mithal-nya Pihak Pembangkang di-hadapan saya suka hendak mendapat rawatan Orang Asli itu, mereka boleh di-terima. Sunggoh pun begitu, oleh kerana Pusat itu agak jauh daripada tempat kediaman orang ramai, bilangan pesakit bukan Orang Asli sangat-lah sedikit. Bilangan pesakit itu tidak lebeh daripada 5% daripada pesakit Orang Asli dan bilangan pesakit Orang Asli yang memerlukan rawatan di-Gombak itu berjumlah, pada hitong panjang, hampir² 450 orang sa-hari. Angka ini semakin lama semakin meningkat oleh kerana Orang Asli telah sedar akan faedah rawatan moden, dan mereka tidak-lah bergantung sa-penoh-nya lagi kepada bomoh atau dukun² mereka. Selain daripada memberi rawatan kepada Orang Asli yang di-dapati sakit, Jabatan ini juga memeriksa Orang Asli sama ada mereka mengidap jenis-sakit yang mereka tidak ketahui. Beberapa tahun dahulu, di-dapati bahawa 60% daripada Orang Asli yang di-X-raykan mengidap penyakit T.B. Tetapi sa-telah perkhidmatan perubatan Jabatan ini memberi rawatan dan perkhidmatan yang luas lagi, di-masa ini

hanya di-dapati bahawa 20% daripada mereka yang di-periksa itu mempunyai penyakit itu.

Di-sini baik juga saya nyatakan bahawa 90% daripada pegawai² rendah di-Jabatan ini ada-lah terdiri daripada Orang Asli sendiri, termasuk di-bidang pelajaran (sa-bagai guru) dan juga di-bidang perubatan dan perhubungan wireless.

Untuk pechahan kepala 5 pula, anggaran sa-banyak \$127,179 di-perlukan untuk menenggarakan post² pentadbiran di-pendalaman. Dapada pechahan kepala ini pembayaran² akan di-buat, umpama-nya untuk menyelenggarakan tempat² pendaratan helikopter supaya, jika ada kechemasan, helikopter akan dapat mendarat dengan chepat dan senang. Selain dapada itu, sekolah² yang di-pendalaman itu juga memerlukan bahan² baru untuk menganti yang usang.

Pechahan-kepala 11—pengangkutan, yang memerlukan anggaran sebanyak \$273,308 pada dzahir-nya sunggoh banyak. Tetapi apabila di-fikirkan bahawa amat-lah sukar sekali untuk pegawai² Jabatan ini pergi ka-tempat² Orang Asli itu berkampong halaman, ada masa-nya mengambil masa 2-3 hari dengan chara berjalan kaki dan naik boat, anggaran yang di-pinta itu tidak-lah sa-bagitu banyak.

Tuan Pengerusi, untuk pechahan kepala 12 pula—anggaran sebanyak \$397,234 itu di-perlukan untuk perkara² kebajikan dan membeli obat untuk Pusat di-Gombak dan juga pusat² perubatan di-pendalaman. Apabila pesakit² dan saudara-mara mereka berada di-Gombak, Jabatan ini memberi bahan² mentah makanan kepada mereka. Melainkan dapada pesakit, makanan itu di-masak sendiri oleh mereka yang tidak sakit.

Untuk Perbelanjaan Khas, Jabatan ini memerlukan anggaran sebanyak \$50,746. Kebanyakan dapada anggaran ini akan di-belanjakan khas untuk elau² sukarelawan seberang laut. Perkhidmatan perubatan Jabatan ini, Tuan Pengerusi, banyak bergantung kepada tenaga sukarelawan luar negeri oleh kerana sukar Jabatan ini mendapat

perkhidmatan daripada pegawai² perubatan dan jururawat² tempatan. Tahun ini juga Jabatan ini akan membeli satu lori untuk membawa bahan² perumahan dan barang² di-bawah Ranchangan Pembangunan ka-kawasan² Orang Asli.

Tuan Pengerusi, sekian-lah penjelasan saya mengenai Kepala² B. 49 hingga B. 56 untuk Kementerian ini dan juga Jabatan² di-bawah-nya. Dengan demikian saya sekali lagi meminta Dewan meluluskan Anggaran yang kesemuanya berjumlah \$22,371,435.

Tuan Wan Abdul Kadir (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap pendek sahaja, sa-hingga habis masa sampai pukul satu. Jadi saya rasa sekarang ini pembangunan negara soal tanah kita bergantung banyak kepada soal tanah atau pun pembukaan tanah. Satu lagi, Tuan Pengerusi, ia-lah soal kedahgaan ra'ayat kepada tanah belum lagi dapat di-penuhi dan saya chadangkan supaya pehak Kementerian ini supaya tanah Persekutuan serta Majlis Tanah Negara kalau dapat mempertimbangkan supaya dapat-lah di-buka sekarang ini permohonan tanah bagi orang² persa-orangan kerana pada masa ini dasar yang berjalan sekarang ini tidak ada pembukaan tanah oleh orang² persa-orangan melainkan sa-chara ranchangan besaran² atau pun ranchangan pinggir atau ranchangan terkawal. Saya rasa elok-lah di-timbangkan dan di-kaji sa-mula berkenaan dengan dasar ini bagi memberi tujuan memenuhi kehendak ra'ayat kepada tanah kepada banyak tanah² yang boleh di-beri kepada orang ramai atas asas permintaan persa-orangan. Dengan chara ini maka barangkali sedikit sa-banyak pehak Kerajaan akan dapat memenuhi sa-bahagian daripada atau pun dapat menyelesaikan sa-bahagian daripada perkara yang boleh menolong memperbaiki ekonomi orang² di-luar bandar.

Jadi itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Pengerusi: Masa sudah chukop Meshuarat ini di-tangohkan hingga pukul 4 petang ini.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

Jawatan-kuasa Perbekalan

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan*)

JADUAL

Kepala B. 49 sa-hingga B. 56—

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan Kementerian Tanah dan Galian dan saya ingin berchakap sedikit berkenaan dengan Kementerian ini ia-itu mengenai masaalah tanah yang mana banyak di-antara petani² kita ia-itu peladang mengikut perang-kaan, Tuan Pengerusi, ada lebih kurang 60% daripada petani² kita yang tidak mempunyai tanah milek-nya sendiri. Jadi saya berharap pada Kementerian ini supaya menyiasat dan membuat satu kajian dan laporan bagaimana-kah chara yang sa-baik²-nya untuk mengadakan satu ranchangan yang membolehkan petani² kita yang tidak mempunyai tanah itu memileki tanah sendiri sa-luas yang agak ekonomik. Kerana sa-kira-nya perkara ini di-biarkan masaalah bagi petani² kita akan menjadikan masaalah yang besar pada masa hadapan sungguh pun pehak Kerajaan telah pun berusaha dengan giat-nya untuk memberi tanah kepada orang yang tidak mempunyai tanah dengan mengadakan ranchangan tanah persekutuan pada masa ini. Saya di-fahamkan ada 81 ranchangan² tanah dan lebih daripada 15 ribu keluarga sudah pun dapat di-tempatkan di-tanah² ranchangan Kerajaan itu. Dan juga

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya ada-kah Ahli Yang Berhormat ini berchakap atas dasar atau pun butir,

uchapan yang di-beri oleh Ahli Yang Berhormat itu, ada-kah polisi atau butir² sahaja?

Tuan Pengerusi: Yang sa-benar-nya butir², polisi sudah habis, sekarang ini kita dalam Jawatan-kuasa, jadi, butir²-nya hendak di-tegor tetapi saya tengok macham butir² itu ada bersangkut dengan dasar boleh juga sadikit. Tetapi jangan-lah bulat² sahaja polisi.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Sebab pun saya sebut perkara ini ia-lah berkaitan dengan Kementerian ini dan saya berharap kepada Kementerian ini supaya dapat memikirkan bagaimana chara hendak mengatasi masalaah yang besar ini kerana Kementerian ini juga telah pun mengeluarkan satu Undang² ia-itu Undang² Tanah Kebangsaan yang Berkanun. Kalau boleh kajikan Undang² itu dan pinda Undang² itu supaya dapat di-masokkan beberapa perkara lagi yang boleh memberi peluang kepada orang² yang tidak mempunyai tanah. Jadi ini-lah yang saya berharap sa-tinggi² harapan supaya Kementerian ini membuat satu kajian mengadakan satu ranchangan chara² yang boleh memberi lebeh kemudahan kepada orang yang tidak mempunyai tanah ini memileki tanah dengan chara memilek luas ekonomi yang boleh dapat di-bayar mengikut ranchangan rumah murah sa-lama 15 tahun atau 20 tahun. Dan akhir-nya mereka ini dapat memileki tanah sendiri.

Saya ingin berchakap berkenaan dengan B. 52 ia-itu Jabatan Ukor. Jabatan ini saya berpendapat banyak sangat kekurangan pekerja² ia-itu orang² yang mahir dalam kerja ukor mengukur dan banyak yang di-minta atau pun tanah² yang patut di-ukur lambat sangat menjalankan tugas meng-ukur tanah² itu. Jadi sa-kira-nya dapat Kementerian ini memikirkan untuk menambahkan beberapa orang lagi orang² yang bekerja supaya dapat dipercepatkan lagi tanah² yang sudah pun di-putuskan memindah kepada tuan-nya yang lain tetapi belum lagi dapat di-sempurnakan ukor-nya.

Sekarang saya berpaling kepada B. 53 berkenaan dengan Mergastua. Saya

sambut baik ranchangan dasar untuk mengawal binatang² yang ada dalam negara kita ini supaya dapat binatang² itu hidup dan terpelihara tetapi, Tuan Pengerusi, saya biasa dengar binatang² ini yang di-angap buas di-tembak oleh pegawai² yang mengawal binatang² ini. Jikalau bagini chara-nya harus binatang² itu kalau di-dapati liar atau buas dan di-tembak, saya ingat tak payah kita tembak; kita boleh menakutkan binatang² itu supaya dapat binatang² lari masuk ka-dalam hutan. Dan jikalau boleh adakan beberapa kawasan khas supaya dapat binatang² ini tinggal disana dan dapat di-kawal dengan lebeh baik lagi, sa-bagaimana kita lihat di-negara² yang ada mempunyai kawasan² binatang yang menjadi satu penarekan kepada pelanchong² bukan sahaja daripada luar negeri bahkan daripada negara kita ini. Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, dengan rengkas-nya saya hendak berchakap di-bawah Kepala B. 54—Perhutanan, Forestry.

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap tentang peruntokan \$73,500 untuk penyiasatan ia-itu research. Saya hendak menyampaikan ma'alumat yang saya dapat kepada Kementerian kita untuk mendapat pertimbangan ia-itu di-dalam hutan Malaysia ada tiga jenis pokok yang mempunyai bukan sahaja kayu-nya berguna tetapi berguna kepada perubatan, dan begitu juga ada dua jenis grass atau pun rumput yang kechil yang dapat di-gunakan bagi penyakit² typhoid. Di-samping itu ada lagi satu jenis padi hutan yang pada masa ini chontoh-nya di-bawa ka-negeri² barat untuk di-pereksa ia-itu satu jenis Arosacativa yang hanya dapat di-Malaysia kita ini. Grass atau pun rumput ini nama-nya Eriophorum dan lagi satu Pittoosporaceae. Jadi, dua pokok ini, Tuan Pengerusi, di-dalam majallah perubatan amat berguna dan di-situ di-sebut dapat di-Malaya. Dan saya refer kepada buku² di-Malaya bahawa pokok ini ada betul tetapi tidak pernah di-buat sa-barang research. Jadi, ini-lah yang saya minta kepada Kementerian ini. Lagi satu

pokok kedondong yang di-namakan *Dysoxylon Cauliflorum*.

Tuan Pengerusi: Itu, chakap apa itu? (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dalam Melayu-nya di-namakan pokok kedondong tetapi dalam istilah research forestry di-namakan begitu. Jadi, saya pun mintalah Kementerian kita ini membuat satu penyiasatan sebab dunia lain membuat kena mengena dengan negeri kita dan kita tidak patut tidak mengetahui.

Di-bawah Game Department juga, saya dapati di-Malaysia kita ada sa-jenis ular, Tuan Pengerusi, yang pada waktu itu dia patok ada bisa-nya dan di-dalam bisa itu juga ada penawarnya dan ini di-namakan paradise tree-snake (*Ketawa*), dan gelaran-nya di-dalam nama itu ia-lah chrysopelea. Jadi ini, Tuan Pengerusi, bagi orang² tua² dahulu kita kata-kan ular itek bila kita dapat kita tudong dengan kain dan kita dapat kaya, yang sa-benar-nya ubat ada dalam itu. Jadi, saya minta-lah Kementerian kita ini membuat penyiasatan. Dan lagi satu ia-lah sa-jenis macham badak atau pun babi hutan yang di-katakan Rhino dan ada pakar² game ini mengatakan kebanyakan Rhino datang di-sebelah South East Asia dan ada di-Malaysia. Jadi keturunan ini apa-kah betul datang dari Malaysia atau pun tidak betul, kalau betul Tuan Pengerusi, saya shorkan kepada Kerajaan supaya negara² lain itu membayar komishen kepada kita kerana keturunan binatang itu datang daripada negeri kita (*Ketawa*).

Yang akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, sendiri pun biasa dengar ia-itu di-dalam Malaysia kita ada tidak kurang daripada 500 orang Batek. Orang Batek, Tuan Pengerusi, boleh jadi di-masokkan juga di-bawah Orang Asli ia-itu Head B. 56 yang kita minta perbelanjaan-nya \$2,392,101. Orang Batek, Tuan Pengerusi, boleh jadi ini yang di-katakan orang Langsia-nya. Dan ini juga yang di-katakan orang Duyong yang di-tepi² laut. Yang sa-benar-nya orang Batek ini turun mandi dan orang memikirkan dia itu ada ekor dan ini telah di-sahkan oleh Jabatan

Hutan. Kita patut-lah memikirkan hal ini supaya kita dapat tahu betul² manusia yang ada di-Malaysia kita ini termasuk orang Batek dan bagaimana taraf mereka itu pula di-dalam Citizenship kita, ada-kah hendak pakai naturalization-kah, apa-kah—ini juga patut dan dari segi lain pula kita juga dapat tahu jenis² makhlok yang ada dalam negeri kita. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, saya berchakap dengan rengkas.

Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Pengerusi, bagi pehak Menteri yang berkenaan, saya mengu-chapkan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi pandangan. Pandangan yang di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara juga nampak-nya sedikit sa-banyak di-suarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Se-berang Utara dalam perkara memberi atau membuka atas permohonan tanah kepada orang persaorangan. Sa-benar-nya perkara ini negeri² dalam Malaysia, Kerajaan² Negeri dan Kerajaan Pusat telah mendapat satu persetujuan dalam mana berbunyi; saya bachakan cha-butan-nya ia-itu:

"Daftar² permohonan tanah hendak-lah di-tutup dan hanya di-buka untuk menerima permohonan² dalam kawasan tertentu yang di-pilih dan di-tetapkan terlebih dahulu oleh Kerajaan Negeri serta di-umumkan kepada orang ramai dari masa ka-masa kechuali tanah² yang terpenchil yang lebih kurang 30 ekar ka-bawah ia-itu yang di-namakan tanah poket."

Jadi, perkara ini sa-bagaimana di-ketahui oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara dalam perkara pertolongan kepada petani² mendapat tanah sa-chara sa-luas ekonomi pun. Sa-bagaimana beliau ma'alum ia-itu tanah² ini ia-lah kuasa² Kerajaan Negeri. Jadi sebab itu, sa-bagaimana di-ketahui, Kementerian ini ada-lah satu Kementerian yang menyelaraskan per-kara² atau pun segi yang besar². Jadi, sebab itu tentu-lah perkara ini terpaksa di-rujokkan kepada Kerajaan Negeri dan kena-lah di-pandang daripada beberapa jurusan sa-bagaimana kita ketahui memang-lah Kerajaan Pusat ini telah mengadakan berbagai² chara untuk menolong petani² sama ada

melalui rancangan pinggir dengan kerjasama Kerajaan Negeri atau pun melalui L.K.T.P. atau pun Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Berkenaan dengan perkara yang diberi pandangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara ia-itu pindaan Undang² Majlis Tanah Negara, Jawapan-nya telah di-beri tadi. Berkenaan dengan Juru Ukor yang mahir ini pun satu masaalah yang besar. Memang Kerajaan berharap hendak mendapatkan pakar² lebih ramai tetapi bagaimana di-ketahui lapangan ini sangat menarik perhatian daripada berbagai² sector. Sa-lain daripada pihak Kerajaan maka pihak² private sector pun menghendaki Juru² Ukor itu sebab itu tentu-lah Ahli Yang Berhormat ma'alum akan kerumitan² ini.

Tentang ada-nya Pengawal² Meragastua yang konon-nya pernah menembak binatang² buas, sa-panjang yang saya di-beri tahu biasa-nya Game Warden dan pegawai² di-bawah-nya itu ia-lah pegawai² yang sangat menjaga kepentingan binatang² dan sa-panjang yang saya ketahui sa-bagai sa-orang Wakil Ra'ayat sendiri Game Warden ini Game Warden biasa-nya sangat kuat menjaga sa-hingga pernah saya terima complaint daripada orang kampung dan orang² lain yang susah hendak menembak binatang². Dengan sebab itu saya nampak perkara yang di-bawa oleh Yang Berhormat itu barangkali boleh jadi, bukan saya kata tidak benar, tetapi sangat-lah tidak munasabah oleh kerana dengan apa yang telah pernah terjadi itu biasa-nya Game Warden inilah yang sangat² menjaga binatang² buas daripada di-tembak. Barangkali ada juga binatang² yang di-tembak oleh Game Warden ini ia-itu binatang² yang sangat buas yang merosakkan tanaman² atau pun menjadi seteru. Jadi atas permintaan orang kampung barangkali pihak pegawai² binatang ini terpaksa menembak atau membasmikan.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bachok, sa-bagaimana, Tuan Pengerusi, mengetahui pandangan² itu boleh di-katakan meliputi sama ada—saya ta' berani hendak kata-lah, sama ada meliputi Kementerian ini, atau Kementerian Kesihatan, oleh kerana perkara yang

beliau bangkitkan itu bermacam² rupa-lah, ada yang nampak-nya boleh jadi di-bawah tanggung-jawab Kementerian ini, Kementerian Kesihatan, atau pun Kementerian Tanjong Rambutan pun ada

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Untok penjelasan. Menteri Muda sebut tadi Kementerian Tanjong Rambutan ini. Saya membacha betul, benda ini ada kapada saya.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Sa-benar-nya yang saya maksudkan Tanjong Rambutan itu bukan-lah Yang Berhormat ini, maksud saya Kementerian yang menjaga ta' betul akal fikiran. Maksud saya berbagai² Kementerian dan berbagai² tempat-lah, termasuk-lah Tanjong Rambutan dan lain² lagi. Tidak niat sa-kali² saya hendak chuba menyindir Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi: Bukan hendak kata dia gila-lah (*Ketawa*).

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tidak, saya ta' kata dia gila. Walau macham mana pun Yang Berhormat itu minta Kementerian, Jabatan Orang Asli ini menyelideki berkenaan dengan asal usul orang batek, jenis² dan lain². Saya di-beritahu orang Asli ini sa-bagaimana manusia lain juga, ada laki², ada perempuan. Jadi, ta' payah di-selideki berkenaan dengan jenis itu. Kita sudah tahu hanya dua jenis sahaja dalam Malaysia ini, ada laki² dan ada perempuan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$851,847 untok Kepala B. 49, \$720,218 untok Kepala B. 50, \$1,364,988 untok Kepala B. 51, \$13,343,063 untok Kepala B. 52, \$1,250,408 untok Kepala B. 53, \$2,186,227 untok Kepala B. 54, \$262,583 untok Kepala B. 55 dan \$2,392,101 untok Kepala B. 56 diperintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala² B. 57, B. 58 dan B. 59—

Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Buroh (Tuan Lee San Choon) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I rise to speak on the estimates of the

Ministry of Local Government and Housing (Head B. 57) and those of the Departments within its portfolio, namely, Town and Country Planning (Head B. 58) and Fire Services (Head B. 59).

Head B. 57—Ministry of Local Government and Housing—

The total estimate of \$681,722 under Head B. 57 for 1969 shows an overall increase of \$36,490 or 5.7% over the approved provision for 1968.

Under Personal Emoluments there is an increase of \$44,536. This is due to the creation of a new post of telephone operator and normal increases arising from annual salary increments and other adjustments including the upgrading of the post of Deputy Secretary to the Ministry from Superscale "F" to Superscale "D" personal to holder and a provision for a new post of Deputy Commissioner for Local Government in Superscale "H". The new post of telephone operator has been found necessary consequent upon the Ministry's move to the new building in Young Road in April, 1968, and the installation of two new switch-boards to service calls to and from the Ministry, the Town and Country Planning Department, the Inspectorate of Fire Services and the Housing Trust which altogether occupy two blocks. The two existing operators are not on the Ministry's establishment and are totally inadequate to deal with the present volume of calls and in view of the number of new extension lines proposed.

Under Other Charges Annually Recurrent there is an overall *reduction* of \$9,428. The provision under Sub-head 1, Administration has been drastically reduced to \$15,395. This sum will prove to be insufficient as the Ministry's share of the monthly charges for electricity and water supplies alone will total about \$12,000 for the year.

The Transport and Travelling vote (Sub-head 14) for the Local Government Division has been increased by \$1,000, in anticipation of increased travelling by this Division in order to

follow up on such of the recommendations of the Royal Commission of Inquiry to Investigate into the Workings of Local Authorities as may be accepted by the Government. However, Honourable Members will note that there is a corresponding decrease in the Transport and Travelling vote (Sub-head 5) of the Ministry proper.

Under Sub-head 6, Official Entertainment there is an increase of \$1,000. Previous provisions of \$1,000 were found to be quite inadequate because of the increasing number of official visitors, including those from overseas, that this Ministry has had to entertain.

A new Sub-head has been created to meet the wages of workers in the Industrial and Manual Group (Sub-head 11). Against this there are corresponding reductions in the provisions for maintenance of Minister's residence (Sub-head 7) and office grounds (Sub-head 8) from which the workers' wages have hitherto been paid.

Another new Sub-head has been created to meet payment to the International Union of Local Authorities (Sub-head 10). The Government has considered it appropriate for the Ministry to become a member of the I.U.L.A. and the provision of \$500 is to meet the Ministry's annual membership and conference fees.

Dr Tan Chee Khoon: The Minister knows that the ordinary man in the street does not know the subtle differences between the State Government, Municipality, Federal Government, Ministry of Transport, or Ministry of Works, Posts and Telecommunications. He does not know the differences. All that he says is he sees the Minister of Transport making grandiose statements about grandiose plans to cut down accidents and he says, “Apa macham doktor, Menteri berkata kami hendak menjaga. Ia beri nasihat kapada kami. Kami menyuruh Menteri mendirikan traffic light dan zebra crossing. Macham mana ini, berapa lama kami akan menunggu tiap² hari, tiap² minggu ada kemalangan disana. Apa macham doktor, Menteri tidor-kah-apa?” (*Ketawa*). Mr Chairman Sir, between us, between the Minister and I, we can beam on the same wavelength, but the ordinary man in the street does not know the subtleties of the various Government Departments, and I hope the Minister of Transport will exert his influence to see that this zebra crossing is done. I am told that it is a matter of \$5,000 and I think \$5,000 from his Ministry of Transport is small price to pay if with the erection of a traffic light there are no more fatal accidents down there. I say it is a very small price to pay, and I call on the Minister of Transport to find some way to get that \$5,000 instead of asking me to approach the State Government. The State Government disavows responsibility. I have approached the Menteri Besar and he says, “What is this? Apa macham? Ini Federal road.” “This is a Federal

road,” he says, “this is not a State road; this is a Federal road. Why don’t you ask the Minister of Transport?” So it goes on. And I have asked him to excise \$5,000 from his Ministry somewhere under contingencies and put up a traffic light down there, so that there will be no more fatal accidents in that area.

The other thing that I have brought to the attention of the Minister is regarding the floods in Kampong Kasipillai caused by—I do not know what the technical term is—but along the railway line that goes through Kampong Kasipillai there are two flood gates on a stream that goes under the railway line. Originally, when I asked a question on this matter, again about three-and-a-half years ago, the Minister in a written reply stated, “You know, this is a private matter. Why do you bring it to me. Railways are not responsible for this matter; this is a private matter. Floods are caused by the people who are living there and therefore they must bear the cost and they must put things right themselves.” Since then, I have brought the General Manager of the Railways to that place and he agreed with me. I showed him and said, “Look here, how on earth can you say that these people who are living down here are responsible for the floods here? The people who are responsible for the floods here are . . .”

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sir, on a point of clarification. It was not the Honourable Member who brought the General Manager there but it was because of the co-operation that I gave to him. He came and spoke to me. He has no authority to ask the General Manager. I do not want to get confused.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I am grateful for the correction by the Minister of Transport. I am not trying to steal some *kudos*. What I am afraid is, that you would tell me, Mr Chairman, how many more minutes have I to speak, and so I was trying to cut short my own speech (*Laughter*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Mr Chairman, I was the one who asked the General Manager. Do not take it

for granted that any Member of Parliament can call him and show things like that—he will not take any instruction from them. But when the Honourable Member rang me up, I said, “I assure you, I will now inform the General Manager of the Railway.” Give due credit to me. The General Manager is not to be ordered about by any Member of this House. This is the procedure. If you do not know, ask me and I will tell you. (*Laughter*).

Dr Tan Chee Khoon: I can assure the Minister that I have not gone off the rails in this matter (*Laughter*). I did not ring up the General Manager direct. I rang up the Minister. As he knows, I rang up the Minister, and it is only after the Minister had spoken to the General Manager that he rang me up and both of us went together to see the place. I will be the last person to push my weight around whether in the Railways or in any other Government Departments, not even in the Office of the Minister of Transport. Mr Chairman, Sir, as a result of this, I convinced the General Manager that the residents of that area were not in any way responsible for the floods that occurred every time there was a heavy shower in Kampong Kasipillai; and I convinced him that the villain of the piece was the Ministry of Works, Posts and Telecommunications, because in building Jalan Kuching they had brought water from across the road on to this Kampong and, therefore, there being a very small exit for the water, it has been causing floods. Now, I am told that originally it was estimated that the cost of enlarging the exit below the railway line would be in the region of about \$20,000. Now we are told, with the D.I.D. looking into it, that it is \$40,000. The problem, again, as the Minister knows very well, is who is to pay? The Railway say, “We are always running at a deficit, so we cannot pay.” I do not know what the Ministry of Works, Posts and Telecommunications has said. Presumably, having built the road, they could not care less whether that road has resulted in floods in that area. Whatever it is, again, I wish to bring to the attention of the Minister that the people in that area do not know the

subtle differences of who is going to be responsible. They have pointedly told me, “Doctor, *apa-macham*, you are our elected representative. You get cracking with it. We don’t care what the Minister says. You are our elected representative, you get things done.” Now, unless the Minister wants me to pitch in with \$40,000 to prevent the floods down there, I would hope that he will—now that it is the beginning of the year, presumably every Ministry is brimful with money—see to it that the floods in that area are not only stopped, but that the work will be carried out as quickly as possible, so that the residents of that area need not pray very hard that there will be no floods should there be a heavy rain in that area. Thank you, Sir.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, under Head B. 67—Ports, West Malaysia—I have only one point to bring forward, and that is, in respect to Port Dickson port. Towards the end of the last century, in 1896, it was already a port for coastal steamers. I speak on behalf of not only the people of Port Dickson, but I speak on behalf of the whole State. We, in Negri Sembilan, feel that if Port Dickson is reverted to its natural status of a port, the economy of Port Dickson and the economy of the whole State would be very much improved. I do not expect Port Dickson port to be on the same level as Port Swettenham or even Butterworth. What we have in mind, Sir, is a port for coastal steamers, so that the requirements of the State of Negri Sembilan and the produce of the State of Negri Sembilan could be imported and exported through the port at Port Dickson.

I have been informed, Sir, that the one reason, and a very important reason, why the Shell Refinery selected Port Dickson was that the sea is deep and that the depth comes very close to the coast. After a lengthy exploration, this company came to the conclusion that if they established their refinery at Port Dickson, the oil-carrying tankers would be able to come very close to the coast, thereby

reducing the cost, because to the tankers they have a pipe-line and from the tankers, the oil is pumped direct to the refinery. I am also informed it was for the same reason that the second refinery—the Esso Refinery—selected Port Dickson as their base, because that was the most suitable place.

The N.E.B. is now in the process of putting up a giant power station. It must also have a very special reason for selecting Port Dickson for putting up this station, which will be the biggest power station in our country when it is completed in about two years' time. For these reasons, Sir, I, on behalf of Port Dickson and on behalf of Negri Sembilan, strongly urge the Minister of Transport to find a way of giving us, not a major port but at least a mini-port.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya sedikit sahaja hendak berucap atas Kementerian Pengangkutan ini. Daerah saya, satu daerah yang sedang di-majukan dan giat di-jayakan beberapa projek yang besar². Oleh itu saya minta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri, pertama berkenaan dengan pengangkutan, railway station yang ada di-kawasan saya itu, saya berasa station ini atau pun perkhidmatan di-sini sangat² kecil jika di-bandingkan dengan

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu di-mana, di-Temerloh-kah atau di-Mentakab?

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud: Di-Mentakab, di-Temerloh satu sahaja; di-Mentakab station-nya kecil.

Jadi kerana di-Temerloh kita ada kawasan² yang besar yang di-bangun oleh Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, jadi banyak pengeluaran² yang akan di-keluarkan daripada hasil² tanah. Sebab perjalanan keretapi, perkhidmatan-nya, atau station-nya terlampau kecil, jadi rasa saya patut-lah, dapat di-fikirkan, bagaimana-kah dapat di-besarkan perkhidmatan itu, dapat di-gunakan lebih banyak lagi untuk mengeluarkan barang² untuk di-export ka-Singapura dan sa-bagai-nya.

Yang kedua, rasa saya, patut kita *review* atau pun kita semak sa-mula berkenaan dengan Undang² menggunakan jalan, berkenaan dengan lori² atas berat-nya, atau pun muatan lori² itu, rasa saya, sudah sampai masa-nya, kerana kita, negeri kita, lebih maju, berat lori sekarang, rasa saya, di-hadkan, dan dengan di-had itu tidak berapa economical daripada segi perniagaan dan ini akan mungkin menyebabkan pedagang² tidak berapa giat hendak melaborkan modal²-nya oleh sebab tinggi-nya belanja pengangkutan negeri ini. Rasa saya, kalau mengangkut balak, tidak lebih daripada 7 tan atau 6 tan, dan begitu juga lori² itu terpaksa mengadakan pengikut²-nya satu atau dua attendants. Kalau kita tengok, negeri² yang maju, lori² ini tidak lagi menggunakan begitu banyak orang ia-itu satu driver pun cukup. Begitu juga dapat Yang Berhormat Menteri bekerjasama dengan Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom bagaimana jalan² itu dapat di-buat dengan begitu keras atau, pun boleh tahan, supaya lori² yang berat dapat lalu di-tempat itu.

Yang lagi satu, berkenaan dengan pengeluaran barang², juga untuk mengeluarkan lebih dekat, ia-itu satu pelabohan yang di-Kuantan. Rasa saya, patut juga dapat perhatian yang berat daripada Menteri ini, kerana oleh sebab saya kata tadi, kawasan Temerloh, pembangunan berkenaan dengan Ranchangan Tiga Segi yang besar sa-kali yang di-adakan di-tanah ayer kita ini, pengeluaran² kelapa sawit dan juga getah yang begitu banyak, jika di-hantarkan mengikut jalan ka-Kuala Lumpur dan ka-Port Swettenham, jauh, dan ini mungkin melibatkan perbelanjaan yang banyak.

Dua tiga tahun dahulu saya telah berucap juga, supaya di-fikirkan membaiki lagi pelabohan² di-Kuantan itu, supaya menjadi satu pelabohan yang besar, tetapi tidak-lah besar samacham Port Swettenham, sa-kadar-kah biar-lah kapal² besar boleh masuk mengambil perdagangan, pengeluaran² daripada kawasan saya. Begitu juga chadangan terutama yang besar, bagaimana pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri atau pun Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, ia-itu lagi satu 1.5 million ekar tanah akan di-buka di-kawasan saya juga, di-Bera, dan ini juga rasa saya berkehendakkan pelabohan yang begitu baik di-kawasan negeri Pahang. Jadi, saya berharap sangat dapat di-timbangan untuk memperbaiki keadaan² yang di-cheritakan tadi. Terima kaseh.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk memberikan sokongan kepada wang peruntukan yang telah di-minta oleh Menteri Pengangkutan.

Di-sini saya mengambil bahagian berchakap di-dalam Peruntukan Khas mengenai Kementerian Pengangkutan, ia-itu supaya dapat menambahkan wang peruntukan kerana membeli pakaian seragam kepada pekerja² keretapi kerana hari ini saya dapati pekerja² keretapi di-beri pakaian saragam, tidak begitu lengkap, mereka hanya di-beri, tidak bersongkok, tidak ada sepatu dan bertali-pinggang, hanya seluar dan baju sahaja. Ini pakaian yang tidak melengkapi untuk pekerja² keretapi; ada-lah memalukan Kerajaan kita, manakala penumpang² dari luar negeri memandang pekerja² keretapi yang berpakaian yang tidak begitu lengkap, walau pun pakaian seragam telah di-beri kepada mereka, yang mana mereka telah memakai seluar, baju dan menggunakan selipar getah, kepala tidak bersongkok.

Lagi satu, saya juga menhadangkan supaya pihak Kementerian ini dapat mengurangkan pengeluaran lesen² lori pengangkutan kerana dengan banyaknya lori² pengangkutan, menyebabkan salah satu kerugian yang di-tanggung oleh keretapi, di-sebabkan kekurangan pengangkutan melalui keretapi dan juga saya harap supaya Kerajaan dapat mengenakan syarat² yang lebih ketat kepada lori² yang melanggar Undang² Lari Laju kerana kebanyakan lori² ini tidak mengikuti syarat² yang telah di-beri kepada mereka yang menyebabkan selalu berlaku kemalangan kerana lori² ini tidak berasa takut dan gentar bila berjalan di-atas jalan-raya kerana kenaikan mereka

besar daripada kenaikan yang lain. Kalau berlaku kemalangan pemandu² lori jarang mendapat kemalangan, tetapi kemalangan di-timpa oleh kenaikan² yang berlanggar dengan lori. Jadi ini, saya berharap supaya dapat daripada pihak Kementerian ini, dapat menimbangkan apa yang telah saya majukan di-sini. Terima kaseh.

Dato' Haji Hussain bin Mohd. Noordin (Parit): Tuan Pengerusi, saya hanya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri ini berkenaan dengan kenyataan dia di-Dewan ini tahun yang lalu, yang mengatakan Kementerian-nya telah menubuhkan satu Jawatan-kuasa menyiasat berkenaan dengan sama ada atau tidak, Lumut itu akan mungkin menjadi satu *harbour* atau pelabuhan. Kita tahu dalam negeri Perak sekarang ini beberapa kawasan perindustrian telah di-buka,—di-Taiping, di-Ipoh dan juga di-Lumut. Tetapi barang² ini, jikalau hendak di-ekspotkan ka-luar, kena-lah di-hantar ka-Pulau Pinang, sama ada di-hantarkan dengan jalan keretapi rail atau dengan transport jalan. Jadi dengan ada-nya Lumut sa-bagai pelabuhan maka dapat-lah barang² ini di-hantar terus ka-Lumut ia-itu barang² keluaran dari Perak daripada factory² yang mengeluarkan barang² itu.

Di-Lumut sekarang ini saya dapat tahu Kerajaan Negeri Perak telah pun berusaha hendak membuka kilang gula dan juga hendak membuka tanah sabanyak 78,000 ekar untuk bertanam tebu. Ini ada-lah menjadikan satu kawasan yang akan mengeluarkan gula yang banyak di-dalam negara kita ini juga dan juga ada kilang tepong di-Lumut, tidak jauh dari Ipoh. Jadi saya hendak dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimana penyiasatan dia, masalah pelabuhan di-Lumut.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, sampai waktu-nya saya menjawab, sa-belum saya menjawab pada yang lain², saya minta izin hendak berchakap dalam bahasa Inggeris, bagi menjawab Wakil dari Batu, supaya tidak terkeliru faham-nya nanti.

Mr Chairman, Sir, I am grateful to the Member for Batu—only one member of the Opposition—but he has given me all the suggestions and all the wise advice. The Alliance Government always moves very cautiously and we always like to co-operate. So, we hope the Singapore Government and the Singapore M.S.A. Headquarters will reciprocate the co-operation that we offer in the interests of both countries and in the interests of the joint national Airlines, the M.S.A.

Sir, the Ministry will try its best to ensure that this link which he mentioned is being maintained, and not only being maintained but improved. Here, I would like to say that since I have had talks with the Minister for Communications, Singapore, he is totally in agreement with me that we have to tighten all loose screws and see that M.S.A. is really a first class airline in this part of the world, not just a second class next to the J.A.L. Sir, I have always stated the desire for this consistently before, and I have at the same time tried to ensure that our best interests are always served. However, I want Honourable Members in this House to bear with me, because this is a joint venture, joint national airlines, and we should run it commercially and, therefore, we have to look ahead many years in planning. We have to be very, very cautious before we take any future step to extend our international flight, as we have to be sure of making money and can compete with the more advanced international airlines coming this way and flying all over the world.

Now, as to his other grouse about the zebra crossing and waiting for 3½ years, it is not my fault. He cannot deny that I have given all the co-operation about this zebra crossing, but I am not stopping at this. Let us come and talk together again because a level crossing or to put up a sign board is not the responsibility of the Minister of Transport; I can only put pressure; I can only ask the co-operation of my colleague, the Minister of Works, Posts and Telecommunications who is responsible, whether State or

Federal. We will do our best within these few months more before the General Elections come, but I do hope that the Honourable Member for Batu will give me his co-operation. He can ask for it a thousand times in this House, but unless we find ways and means to produce the money, nobody can do the job. If I were to mis-spend the money allocated for my Ministry, as Minister of Transport, for a purpose which is not my responsibility, that is to make this level crossing or the zebra crossing, the Public Accounts Committee will query and say, "We must punish this officer, why does he let this money to be paid out, which is not within his jurisdiction." I can assure the Honourable Member that I am not stopping here—when I say so I mean it—and the Alliance Government can be proud of fulfilling all its promises. However, we want the co-operation of the Member of the Opposition for the good, not for his constituency alone, not for him to show off that "I am doing it," but for the good of the people and the country—for the country and the people first, not for personality.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, I am in entire agreement with the sentiments expressed by the Honourable Minister of Transport. All that I ask him is this: can he indicate in what way I can co-operate with him? I can assure him that I will walk a hundred miles, and whatever length he wants me to walk, to co-operate with him, so that the fatalities can be prevented in that area—he only has to say that I will have to walk every day to his office, and I will walk (*Laughter*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Thank you, and I will see that you fulfil what you say here. The other thing is about Kampong Kasipillai. Well, I think we have solved the problem as far as the Railway is concerned; we volunteered to construct the bridge—that has been agreed in principle and I think the Honourable Member for Batu realises that. However, Sir, so many Departments are involved in this—the Municipality, the D.I.D. and the State, and we are still sorting out as to how we can work out this \$40,000

that has got to be allocated. The Honourable Member has got to persuade the State Government as to where the State is coming in—either the D.I.D., State or Federal, I do not know, as that is outside my jurisdiction. But let us pursue this and hope that we will get this flood eliminated from this area. Here, again, I ask the Honourable Member's co-operation, indulgence, and patience, and not to quote again the 3½ years delay; it is not my fault, the money is not produced, but let us now work for the money. I think, Sir, I have answered the Honourable Member.

Yang lain² lagi, saya ucapkan ber-banyak terima kaseh-lah kapada Ahli dari Kemaman berkenaan dengan kereta 'L' ini; memang-lah pemandu baharu belajar; kalau waktu sebok² dia lalu di-situ, melanggar di-situ, susah-lah. Saya akan bagi perintah tentang itu. Dan berkenaan pemandu² lori, memang-lah banyak pemandu² lori pemandu lori terlampau laju; apabila di-report, kita pereksa betul², lesen²-nya boleh di-gantung, tidak boleh bawa lori sa-minggu, dua minggu, tiga bulan; kalau banyak kali buat bagitu, barangkali, lesen di-potong sa-kali terus. Itu sebab kita adakan Vocational Licence kerana memandu Lorries, tetapi kalau dia tidak bawa lori, dia boleh bawa kereta lain: bukan ma'ana kita mematikan mata pencharian dia sa-kali terus—tidak.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, may I ask the Honourable Minister a question while we are on the question of the cancellation of licences. Is the Honourable Minister of Transport aware that recently there has been a statement by, I think, the Superintendent of Traffic, Kuala Lumpur, that should people go against the traffic lights and, in other words, trying to beat the traffic lights, they will be brought to court, and they would be punished and they would have their licences cancelled; and in fact, I think one taxi driver has his licence suspended for two years? What I wish to make a plea with the Minister of Transport is this that by all means, punish those who try to beat the traffic lights particularly taxi drivers, but I

say that the penalty of suspension of one's licence for one year or, in this instance, two years is too heavy a penalty to pay. After all, if you suspend one's licence for two years, it means that one cannot find any other means of earning a living for two years. I wish to bring this to the attention of the Minister of Transport.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

As far as the suspension for one year or cancellation of the licence is concerned, it is the authority of the Court. What I was telling just now about the administrative action, to simplify the procedure, just to give a good lesson for those fast drivers driving heavy vehicles like lorries, vans and the other commercial vehicles. I will see to it that it is not going to be too severe but yet to give a good lesson, a deterrent one, so that they will not repeat flouting the law on the Highways thus causing so many deaths and injuries in this country.

Berkenaan dengan tak ada peruntokan mengajar hendak jadi keptan kapal, pegawai² dalam kapal yang sebenar-nya ada di-ajar tetapi tidak-lah pada tingkat yang tinggi, tetapi kalau tidak ada peruntokan saya akan berunding dengan Director Marine supaya di-timbangkan balek perkara ini.

Berkenaan dengan shor Yang Berhormat dari Ulu Kinta saya ambil ingatan dan saya berbilang menerima kaseh tentang bas² sekolah ini—memang yang banyak sekali dalam negeri Perak kita bagi utama di-sana kerana mengangkat banyak budak² sekolah. Berkenaan dengan teksi, itu sedang kita siasat dan kita bukan sahaja akan beri 25 kalau perlu lebeh 50, 75 kita akan timbangan, tetapi biar-lah pemohon² itu sa-longgok tidak sa-orang², kerana sa-buah ada kosong teksi, 100 yang meminta. Macham mana sa-buah teksi hendak di-potong menjadi 100? Tak boleh jadi. Sebab itu-lah kita sedang berunding dengan pehak² pemohon dan tak berapa lama lagi kita akan putuskan perkara ini.

Berkenaan dengan extension permit lorry 'A' itu—itu ada-lah peratoran²-nya. Kalau Yang Berhormat itu ada

perkara barangkali penting boleh-lah berhubung dengan saya sendiri supaya saya dapat menjelaskan dasar² dan polisi-nya.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson, berkenaan minta pelabohan, yang sebenar-nya jetty itu sudah ada, pelabohan besar barangkali kapal internasional, tak berhenti tiap² 100 batu. Sekarang kita hendakkan, rundingkan bagi pehak Imigeresen, Kastam dan pejabat² lain yang berkenaan dengan pelabohan, jetty—itu kita boleh-lah barangkali jalankan, tidak payah lagi hendak bentok yang baharu lagi.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Temerloh, berkenaan railway station keretapi, kita akan selideki; keadaan kewangan keretapi ini susah sedikit, tetapi kalau penting dan perlu steshen keretapi itu akan diperbaiki. Saya sudah pereksa, patut sudah lama hendak di-baikkan lagi steshen keretapi itu. Ini akan kita siasat balek.

Ahli Yang Berhormat juga berchakap berkenaan dengan pelabohan di-Kuantan. Ini sedang pun direkomendasikan oleh pasokan² yang menyelideki pelabohan² di-seluruh Pantai Timor dan belum lagi kita siasat keputusan atau recommendation-nya, dan, kita akan timbang balek. Tetapi berkenaan dengan banyak-nya kelapa sawit yang akan di-keluarkan di-situ, ini ada satu chadangan yang lain, tidak-lah berkehendakkan pelabohan yang besar, tetapi di-adakan jetty dengan ada paip panjang dan besar bagaimana minyak itu di-salurkan ke-kapal minyak bagitu juga-lah minyak sawit itu, ini sedang di-selideki juga dan akan di-lakukan macham mana hendak menyelenggarakan soal² ini.

Bagitu juga berkenaan dengan jalan lori² itu, patut jalan² kita hendak perbaiki, ini-lah kita hendakkan banyak duit yang telah pun di-akukan dalam Asian Highway, berapa ratus juga hendak menguatkan, dan melebarkan, hendak di-baikkan jambatan² kecil yang tak kuat yang akan menerima lori² yang besar², tetapi ini memakan waktu-lah, tetapi walau macham mana pun kita akan jalankan chara beransor.

Berkenaan dengan Wakil Johore Bahru Timor, ini berkenaan dengan pakaian seragam keretapi, itu kita siasat balek-lah. Ada bagi songkok, malu tak mahu pakai songkok, bagi sepatu sudah koyak baharu pakai, ini akan di-selideki-lah; memang kita hendak biar-lah dia chergas dengan pakaian seragam itu.

Berkenaan dengan mengeluarkan lori² itu memang-lah saya bersetuju sebab kita ada Majlis Pelesen dan pehak² Pembangkang itu membangkang hebat, Keretapi selalu membangkang, Pehak Pelesen juga memang-lah tidak keluaran dengan sa-wenang²-nya, bahkan kita akan mengetatkan lagi perkara ini. Ini pun ada di-akukan dalam penyiasatan pakar² United Nations berkenaan dengan menyelaraskan segala perkhidmatan pengangkutan dalam Malaysia Barat ini, kita sedang mengkaji perkara ini.

Berkenaan dengan lori berjalan dengan laju, saya telah terangkan itu; kita ada mengambil tindakan keras tetapi Ahli Yang Berhormat tolong-lah repotkan nombor lori, di-mana batu-nya, di-mana negeri-nya dan waktu-nya, supaya kita boleh memanggil derebar² lori yang berkenaan itu, dan di-siasat sama ada mengaku-kah atau tak mengaku-kah; kalau mengaku salah, ini kita ambil tindakan sa-chara administrative; kalau tak mengaku salah kita kena panggil pula saksi. Ini-lah yang selalu Ahli Yang Berhormat barangkali tak hendak buang waktu jadi kalau hendakkan aman, tolong-lah bekerjasama dengan pegawai kami.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat Wakil Parit, saya ucapkan terima kasih-lah tentang pertanyaannya berkenaan Lumut; ini pun dari segi international shipping kalau sudah ada pelabohan yang hebat di-Pulau Pinang dan pelabohan hebat di-Port Swettenham antara beberapa batu kapal² itu nanti tidak akan hendak berhenti antara yang dua itu. Ini kita telah dapat nasehat daripada International Shipping dan Far East Conference, tetapi walau macham mana pun saya ingat Lumut ini kalau pelabohannya untuk *cargo boat* atau menggalakkan antara perniagaan Indonesia dengan

kita, itu saya fikir tidak jadi soal pokok. Saya harap Kerajaan Negeri boleh berunding dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Hari itu pun sudah berchakap dengan saya macham mana kita boleh baiki dan saya setuju memang boleh di-per-baiki keadaan²-nya yang ada di-situ, tetapi buat international port, barangkali ini terlampau banyak memakan belanja dan kapal tidak akan berhenti di-situ. Maka, itu sebab-lah saya ucapkan terima kaseh. Saya harap peruntukan ini akan masok sa-bahagian daripada Jadual.

Tan Sri Haji Nik Ahmad Kamil: Sa-belum daripada Tuan Pengerusi mengemukakan chadangan ini, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana saya tak sempat berchakap tadi. Tempoh hari dahulu barangkali Yang Berhormat ingat saya ada bangkitkan dalam Dewan ini berkenaan dengan menegakkan jagaan keselamatan di-apron, di-padang kapal terbang kita; saya rasa-lepas sa-minggu daripada saya berchakap, mengikut penyata surat khabar *Malay Mail*, kalau tak silap, ada tiga orang gangster telah ditangkap oleh Polis, bukan di-bawah tetapi di-medan atau di-rumah bangunan lapangan terbang itu. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil tahu juga berkenaan dengan keselamatan bukan sahaja di-apron sahaja tetapi di-semua kawasan kapal terbang itu. Saya menyebutkan ini tidak-lah saya menidakkan kebolehan Polis kita menjaga, tetapi saya fikir kalau kita ketatkan lagi, ini boleh-lah menjadi selamat lagi orang² yang menggunakan lapangan terbang itu.

Tan Sri Haji Sardon: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat dapat mengingatkan saya; yang sa-betul-nya malam tadi pun kita telah berchakap, dan lepas itu saya sudah perentahkan Manager Airport supaya di-bawa perkara ini dalam Jawatan Kuasa Airport yang mana daripada pehak Kementerian Luar Negeri atau pehak protokol akan di-minta supaya chara protokol itu di-jalankan. Kedua-nya, pegawai saya ini apabila memberi tahu: "Tuan tak boleh pergi sana"—

"Apa awak ini, awak makan gaji tahu tak? Saya ini Ahli Parlimen." Saya tahu, sebab saya ada bersama juga pada malam itu, "Saya bersama sa-tengah² M. P. s," saya kata, "Baik-lah, saya menjaga keamanan, M. P. 2 ini saya kenal dia;" tetapi kalau sudah terlampau ramai ini mengganggu orang² hendak kerja dekat tarmac menurunkan dan menaikkan barang². Saya minta-lah kerjasama Ahli² Yang Berhormat sekira-nya hendak menerimakah, hendak menghantar-kah ikut-lah peratoran² supaya jangan kita di-tudoh kita buat undang², Menteri buat peratoran, tiba² Ahli Yang Berhormat sendiri pun tak menjalankan. Maka saya minta-lah kerjasama daripada Ahli² Yang Berhormat, insha Allah ini pehak Protokol satu kesah, pehak security satu kesah, tetapi chekap jugalah pehak security kita, kalau tidak masakan tertangkap orang² yang ada bawa senjata di-airport tempoh hari. Maka oleh kerana itu ra'ayat pun sedap hati juga walau macham mana pun ini akan di-ketatkan? Terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putusan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$2,280,878 untok Kepala B. 61, \$2,854,845 untok Kepala B. 62, \$3,375,171 untok Kepala B. 63, \$1,784,232 untok Kepala B. 64, \$2,729,913 untok Kepala B. 65, \$3,756,247 untok Kepala B. 66 dan \$3,043,336 untok Kepala B. 67 diperentahkan menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 60—

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Pengerusi, saya minta izin untok mengemukakan perbelanjaan sa-banyak \$9,567,839 di-bawah Kepala B. 60—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, saperti Ahli² Yang Berhormat dapat melihat bahawa perbelanjaan Kementerian ini ada-lah kurang daripada tahun yang lalu lebeh kurang \$362,562. Ini ada-lah membuktikan bahawa Kementerian ini juga telah menchuba bersunggoh² bagi melaksanakan dasar Kerajaan untok

berjimat chermat dengan tidak menimbolkan kesan² burok terhadap ranchangan pembangunan.

Tuan Pengerusi, saperti Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum Kementerian ini sentiasa-lah menitek beratkan usaha² membangun kawasan² luar bandar serta memberi keutamaan bagi meninggikan taraf hidup ra'ayat seluruh Malaysia. Sunggoh pun kita telah mendapat banyak kejayaan dalam bidang pembangunan, tetapi kita akan terus menjalankan ranchangan² kemajuan yang di-fikirkan penting untuk meninggikan lagi taraf hidup penduduk² negeri ini, terutama sakali penduduk² yang dudok di-kawasan² luar bandar. Usaha² ini sudah sa-wajar-nya-lah di-jalankan dengan pesat-nya dan terus menerus sa-hingga taraf ekonomi penduduk² luar bandar itu sampai kepada peringkat yang sa-imbang dengan masharakat² di-bandar.

Tuan Pengerusi, dengan berdasarkan tujuan ini sa-bagai panduan maka Kerajaan akan meneruskan ranchangan² pembangunan saperti pembukaan² tanah, pembenaan jalan² raya, jambatan², mengadakan kemudahan² bekalan ayer, mendirikan sekolah², Pusat² Kesihatan dan padang² permainan, membena ranchangan² tali ayer dan mengadakan bekalan² elektrik serta kemudahan² bagi mengusahakan dan menjualkan hasil mahsul luar bandar dan lain² perusahaan² daripada kampung. Saperti Ahli² Yang Berhormat juga ma'alum baru² ini Kerajaan telah melancharkan ranchangan atau pun Gerakan Jaya Diri ia-itu satu konsep pembangunan pertanian segi kawasan. Jayadiri ia-lah satu process hendak menjayakan diri persaorangan atau pun individual. Tujuan utama Jayadiri ini ia-lah untuk membena ra'ayat Malaysia seluruh-nya supaya sedia menyesuaikan diri masing² kepada kehendak² perubahan zaman, dan juga supaya menggunakan dengan sapenoh²nya segala bahan² kemajuan dan lebeh² lagi giat bekerja supaya usaha yang di-lakukan oleh sa-saorang itu boleh mengeluarkan hasil untuk kema'moran diri-nya sendiri, untuk keluarga-nya dan masharakat serta negara.

Tuan Pengerusi, bagitu juga-lah dalam Kementerian ini ada peruntokan bagi Kelas² Dewasa, Kerajaan akan meneruskan ranchangan² mengadakan kelas² dewasa ini sa-hingga tujuan muktamad Kerajaan akan dapat di-laksanakan. Sunggoh pun peruntokan di-bawah kepala ini adalah kurang sedikit tetapi ini tidak-lah akan mengurangkan usaha² yang akan di-jalankan di-dalam lapangan ini. Bagitu juga, Tuan Pengerusi, peruntokan ada di-taroh di-sini sa-banyak \$360,000 untuk Taman Latehan Wanita. Jumlah² ini bertambah sa-banyak \$40,000 daripada tahun 1968 dan tambahan ini di-perlukan untuk memberi latehan kepada kaum² wanita di-Pantai Timor dan di-Taman Latehan Wanita yang baru di-Kuala Trengganu yang akan di-buka pada awal bulan April tahun ini. Peruntokan tambahan ini ia-lah untuk perbelanjaan taman yang tersebut itu. Bagitu juga-lah perbelanjaan \$70,000 di-bawah Pechahan-kepala 29, Bantuan kepada Perkumpulan Kebangsaan Perempuan Malaysia. Pertubohan ini ada-lah menjalankan usaha², menolong penduduk² di-luar bandar terutama sakali dalam usaha² mengadakan Kelas² Urusan Rumah Tangga.

Tuan Pengerusi, satu lagi aspek pembangunan luar bandar yang tidak kurang penting-nya dan patut sangat saya sebutkan dalam Dewan ini, ia-lah Penyimpan Wang Bakal² Haji di-dalam Perbadanan Simpanan Wang Bakal² Haji. Peruntokan sa-banyak \$174,000 di-bawah Pechahan-kepala 31 ada-lah merupakan bantuan Kerajaan kepada Tabong Haji tersebut ini. Jumlah ini ia-lah sama saperti tahun² lalu. Saperti Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alom Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji atau Tabong Haji telah mendapat sambutan yang sangat baik daripada seluruh penduduk² Islam di-negara kita. Jumlah wang simpanan terkumpul yang di-terima daripada penyimpan² telah meningkat lebeh daripada \$11.6 juta pada awal buian Disember tahun 1968. Jumlah ini menunjukkan \$3.2 juta lebeh daripada angka di-akhir tahun 1967. Dan kutipan bulanan pada pukul rata ia-lah kira² \$314,000. Bilangan penyimpan telah juga meningkat ia-itu daripada 35,342 orang kepada 40,505

orang. Modal terkumpul ia-lah berjumlah \$6,953,770 juta manakala keuntungan hingga tarikh yang tersebut berjumlah \$1,391,062. Sa-lain daripada itu Badan ini juga ada mempunyai harta (fixed capital asset) yang berjumlah lebih kurang \$700,000.

Tuan Pengerusi, oleh sebab Perbadanan ini telah maju maka Perbadanan telah mengistiharkan tawaran bonus, yang kedua sa-banyak lima peratus kepada keuntungan² yang di-perolehi daripada penanaman² modal bagi tempoh masa di-antara bulan September tahun 1967 hingga September tahun 1968, bebanding dengan 4 peratus bagi bonus yang pertama. Oleh sebab Perbadanan ini telah mendapat kejayaan yang memuaskan hati Kerajaan sekarang menhadang hendak menubuhkan sa-buah Lembaga yang lebih besar lagi, ia-itu dengan chara menyatukan Perbadanan tersebut dengan Jabatan Urusan Haji yang ada sekarang ini. Jadi dengan tertuboh-nya perbadanan yang baru ini ada-lah bermula 'ana bahawa urusan² Bakal² Haji ini dapat di-selenggarakan oleh satu perbadanan atau pertubuhan dan urusan mereka itu dapat di-kawal daripada mula mereka itu meninggalkan rumah untuk menunaikan fardhu haji sa-hingga sampai balek, dan saya harap undang² bagi menubuhkan Lembaga ini akan dapat di-kemukakan kepada Dewan tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, sa-bagai melaksanakan dasar pembangunan Kerajaan terutama sekali Rancangan Gerakan Maju dan Jaya Diri, maka Jawatan²-kuasa telah di-tubuhkan di-peringkat kebangsaan dan juga di-peringkat negara dan banyak projek² telah dapat di-jalankan termasuk-lah Panduan Khasiat Makanan atau Applied Nutrition Pilot Project, dan juga Environmental Health dan penyertaan ra'ayat yang menggunakan kemudahan masyarakat atau pun Greater Use of Public Amenities dan menggalakkan penanaman barang² makanan di-dalam negara kita dan juga menggunakan paya dan kawasan² terbiar supaya dengan itu kita dapat mendatangkan hasil dengan lebih banyak dan juga ra'ayat dapat pendapatan yang lebih luas.

Tuan Pengerusi, di-bawah Kementerian ini ada dua perbadanan atau Lembaga yang pertama ia-lah MARA, yang kedua Lembaga Kemajuan Tanah. Saya suka menyebut di-sini bahawa MARA telah berjalan dengan lalin dan baharu² ini banyak-lah perusahaan² yang dapat di-jalankan oleh MARA, terutama sa-kali dalam lapangan latehan dan juga M.I.T. ia-itu MARA Institute of Technology sedang di-perbesarkan dan kita harap mendapat latehan lebih kurang 3,000 penuntut², pada tiap² tahun. Begitu juga-lah perusahaan² dan lapangan perniagaan, perusahaan² batek telah dapat di-perluaskan dan juga perusahaan² yang lain, kita hendak menubuhkan sa-buah kilang kayu di-Kuantan, dan begitu juga-lah perusahaan yang lain, dan saya tak payah sebutkan satu persatu di-sini.

Berkenaan Lembaga Kemajuan Tanah, sa-hingga akhir tahun lalu pehak Lembaga telah mentadbirkan sa-banyak 74 rancangan tanah yang berjumlah 244,521 ekar, dan dari jumlah ini sa-banyak 719,797 ekar di-tanam dengan getah dan kelapa sawit, 19,724 ekar di-kawasan kampung dan lebih kurang 5,000 ekar di-tanam dengan tanaman² yang lain, termasuk usaha seperti kolam² ikan dan sa-bagai-nya. Hingga akhir tahun lalu pehak Lembaga telah berjaya menempatkan sa-ramai 15,500 keluarga di-kawasan² rancangan tanah. Dan saya berharap pehak Lembaga ini akan dapat memperluaskan lagi usaha² dengan membuka kawasan² yang besar seperti Jengka Tiga Segi di-Pahang dan juga di-kawasan Pahang Tenggara yang sedang di-siasat yang luas-nya lebih kurang lima juta ekar dan juga di-kawasan negeri Johor yang luas lebih kurang 300,000 ekar.

Tuan Pengerusi, perkara² yang lain, saya tak payah-lah sebutkan di-sini; jadi memadai-lah saya menerangkan bahawa dalam lapangan pembangunan ini, seperti saya telah sebutkan, kita telah berjaya meninggalkan kesan² dan perubahan² bagi penduduk² dalam negeri ini dan kesan² ini tak dapat-lah di-nafikan oleh mana² pehak sa-kali pun. Dengan usaha² Kerajaan di-bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini, beberapa banyak kelinik² dan

hospital² dan juga Main Health Centres dan Sub-health Centres dapat di-dirikan di-kampung² dan penduduk² di-kampung² tidak lagi menggunakan bomoh² bahkan menggunakan ubat² modern. Bagitu juga-lah, sekolah² telah dapat di-bawa ka-kampung bukan sahaja sekolah rendah, sekolah menengah juga, dan usaha² bagi menambahkan peluang di-sekolah tinggi pun dapat di-tambah-kan. Bagitu juga-lah dalam bidang tanaman, usaha² telah berlipat ganda, dan sekarang ini tanah dapat di-gunakan dengan lebeh banyak dengan lebeh luas lagi, pehak ra'ayat dapat menanam padi dua kali sa-tahun, dan juga menanam cash crops sa-lepas menanam padi. Kerja² menggunakan jentera juga telah dapat di-jalankan dengan lebeh bertambah banyak lagi. Lain² kemudahan telah di-sampaikan oleh Kerajaan saperti jalan raya, taliayer, bekalan ayer, dan juga Dewan Orang Ramai, rumah² ibadat lain telah menjadikan Kerajaan negara kita bertukar chorak sama sa-kali. Walau pun tujuan akhir Kerajaan hendak menimbulkan satu masyarakat baharu di-mana tiap² kelamin mendapat sa-kurang²-nya \$300 sa-bulan belum di-chapai dengan sa-penoh-nya, tetapi ada tanda menunjokkan bahawa kejayaan ini akan tercapai bahkan ada sekarang ini di-tempat² yang tertentu ranchangan² tanah Kerajaan yang peserta mendapat pendapatan tidak kurang daripada \$300 sa-bulan saperti yang telah di-angap oleh Kerajaan dan jikalau ranchangan tanah Kerajaan itu dapat di-teruskan saya perchaya tujuan Kerajaan akan dapat di-chapai.

Tuan Pengerusi, tujuan pembangunan negara kita ada-lah dua: yang pertama meninggikan taraf hidup ra'ayat pada keseluruhannya di-mana tiap² sa-orang ra'ayat dengan tidak mengira bangsa, ugama, dan juga faham politik, dapat peluang dengan sa-penoh-nya untuk mendirikan taraf hidup masing². Yang kedua, ia-lah hendak mendekatkan jurang perbezaan di-antara pehak yang ada dengan pehak yang tidak ada. Kejayaan pembangunan ekonomi yang di-jalankan sekarang ini menjadi sa-baik² senjata untuk membunuh dua

musoh besar negara kita, ia-itu Communism dan communalism—fahaman Communist dan fahaman perkauman.

Parti² Pembangkang, Tuan Pengerusi, sering kali membincangkan soal perkauman tetapi sa-makin banyak mereka itu bersuara sa-makin menyala lagi api perkauman di-negara kita ini; ada di-antara Parti² Pembangkang juga yang dapat di-lihat dengan jelas merupakan parti perkauman tulin, dan ada juga di-antara-nya yang mengaku tidak perkauman, tetapi sa-benar-nya menjalankan dasar perkauman atau fahaman dan saya perchaya perjuangan mereka itu akan gagal. Pada pendapat saya sa-baik² jalan untuk membasmi fahaman perkauman ini ia-lah dengan mengikut dasar ekonomi yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan sekarang. Jika sekira-nya dasar yang ada sekarang ini gagal, maka saya perchaya usaha yang hendak menghapuskan fahaman perkauman juga akan gagal, dan sama² kita lihat apakah akan jadi kapada Malaysia pada masa hadapan yang ra'ayat-nya terdiri daripada berbagai bangsa itu.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya dengan sukachita-nya mengemukakan perbelanjaan di-bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan rengkas-nya saya turut berchakap di-bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Di-dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang menjadi Menteri bertanggung-jawab dalam Kementerian ini, ada beberapa perkara yang saya mempunyai pendapat yang berlainan: yang pertama ia-lah berkenaan dengan Tabong Haji.

Tuan Pengerusi, bila saya sebut Tabong Haji bukan-lah barma'ana saya hendak menumpukan bahawa Tabong Haji itu memberi bonus daripada untong—interest—haram atau pun halal. Yang saya hendak sebutkan ialah Tabong Haji ini tidak di-beri penerangan yang chukup dan boleh dikatakan orang² yang pergi haji itu

kebanyakan-nya menyimpan wang sendiri atau bila mereka itu menyimpan sendiri di-rumah² maka wang itu mati sahaja di-rumah tidak dapat di-jalan atau pun mobilisekan, dan baharu² ini ketika wang turun, maka mereka² itu rugi beribu² ringgit. Sa-kira-nya Kerajaan dapat mengadakan pegawai² yang lebeh chergas lagi, saya fikir perkara ini akan bertambah baik. Apa yang ada sekarang, Tuan Pengerusi, saya terpaksa mengadu kepada Menteri ini, ia-itu pegawai² ini lebeh banyak merupakan pegawai² parti UMNO daripada pegawai Tabong Haji sendiri. Jadi, dengan demikian boleh jadi mereka itu memikirkan bahawa kalau mereka bertindak bagitu mereka akan di-kasehi dan di-sayangi oleh Tun Razak pada hal perbuatan yang sa-macham itu merugikan Tabong Haji sendiri dan

merugikan Kementerian sendiri dan tidak menaikkan, kalau tak menjatoh pun tidak menaikkan nama Tun Abdul Razak di-dalam masaalah ini. Ini patutlah Kementerian kita yang berkenaan mengambil perhatian.

Tuan Pengerusi: Masa sudah chukup. Meshuarat bersidang sa-mula.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya ma'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun 1969 telah sampai kepada Kepala 67 dalam Jadual Rang Undang² ini. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 9.30 pagi esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.